

**Jilid I
Bil. 7**



**Hari Khamis
16hb Disember, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGGANGKAT SUMPAH:

Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan [Ruangan 569]

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 569]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 569]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 610]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangot).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' KHOO KAY POR, D.P.M.P., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 16hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *memper-*
ngurusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangannya yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENEROKA FELDA BERA BER-
HIJRAH KE SINGAPURA**

1. Dato' Haji Mahmod Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa lebih daripada 200 orang

peneroka rancangan FELDA Bera telah berhijrah ke Singapura untuk bekerja sebagai buruh bagi menampung perbelanjaan hidup keluarga mereka oleh kerana pendapatan mereka di rancangan FELDA terpaksa dipotong untuk menjelaskan lebih daripada 25 jenis pembayaran yang dikenakan ke atas mereka; dan sama ada benar bahawa sebahagian besar daripada peneroka rancangan FELDA Kepayang hanya datang ke pejabat FELDA tiap-tiap bulan untuk menandatangani baucer gaji tanpa memperolehi wang dan ada pula yang mendapat beberapa sen sahaja dari baki pendapatan hasil usaha mereka setelah ditolak potongan yang dikenakan; dan

(b) jika ya, nyatakan tindakan yang diambil untuk mengatasi perkara ini.

**Menteri Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):**

Tuan Yang Dipertua, bagi makluman Yang Berhormat itu angka sebenarnya ialah 12 orang dan bukan 200 orang. Mereka ini bekerja semenjak awal Jun, 1982 dan berulang-alik ke Singapura untuk memperolehi tambahan sebagai persiapan Hari Raya Puasa yang lalu. Sebenarnya peneroka ini tidak berhajat untuk bekerja tetap di sana dan kesemuanya telah pun kembali untuk bertugas di rancangan masing-masing. Pendapatan purata bersih peneroka FELDA di Bukit Kepayang

bagi bulan Januari hingga September, 1982 ialah \$619.68. Sepanjang tempoh tersebut pendapatan purata bersih yang terendah ialah \$375.72 iaitu pada bulan Jun, manakala tertinggi ialah sebanyak \$1,171.00 pada bulan September, 1982.

Bagi mengatasi masalah pendapatan peneroka FELDA telah pun diarah untuk memberi pendapatan bersih minima yang tidak kurang dari \$350.00 sebulan sebelum dikenakan potongan dan hutang-hutang yang dinyatakan. Pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengarahkan pula supaya potongan bagi JKKR (Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Rancangan) tidak melebihi dari \$18 sebulan daripada yang dibuat sekarang iaitu \$42 sebulan.

Berkenaan potongan bagi pinjaman persendirian, saya sendiri telah mengarahkan supaya FELDA tidak seharusnya membenarkan pihak peneroka mengambil hutang yang berlebihan di kedai FELDA di kawasan masing-masing. Di samping itu FELDA juga telah memulakan usaha untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta latihan bagi peneroka-peneroka yang mempunyai anak yang ramai serta tanggungan yang berat.

Tuan Loo Swee Mok: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Setakat ini masih banyak orang bukan bumiputera menyertai rancangan FELDA. Maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah Kementerianya sentiasa mengadakan penerangan dan memberi perangsang kepada mereka supaya lebih banyak lagi bukan bumiputera menyertai rancangan FELDA dan dapat menikmati hasil dari ekonomi baru yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan itu?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, seharusnya saya tidak

menjawab soalan ini oleh kerana ia soalan lain. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu adalah baik dan peluang serta hak hakiki warganegara untuk menyertai FELDA itu sentiasa terbuka asalkan pihak berkuasa di peringkat Negeri dan juga di peringkat Persekutuan dapat menerima syarat-syarat kemasukan yang diperlukan di bawah peraturan kemasukan peneroka-peneroka.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dari keterangan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini peneroka Rancangan FELDA Bera yang telah berhijrah ke Singapura hanya 12 orang.

Saya suka bertanya: Pertama, sehingga hari ini berapa ramaikah pihak peneroka Rancangan FELDA di seluruh tanahair kita yang telah berhenti ataupun yang telah berhijrah mahu pun ke Singapura ataupun balik ke kampung masing-masing?

Kedua, berapa ramaikah sehingga hari ini di seluruh tanahair kita menjadi peneroka FELDA?

Ketiga, berapa luaskah tanah FELDA yang telah dibuka sehingga hari ini di seluruh tanahair. Barangkali Menteri berkenaan menggeleng-gelengkan kepala tetapi yang sebenarnya Ahli-ahli Dewan ini mahu tahu sebenarnya hakikat FELDA di tanahair kita ini.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, seluas 1.5 juta ekar tanah di negara ini telah pun dibuka oleh FELDA untuk berbagai-bagai rancangan dan meliputi peluang bagi 74,000 keluarga di seluruh tanahair.

Mengenai mereka yang bertugas atau keluar dari rancangan maka aspek-aspek tanggungjawab mereka mencari nafkah di luar rancangan tidaklah dihalang. Walau bagaimanapun, menurut pengetahuan saya mereka yang berhijrah ke

Singapura tidak ada, cuma mengambil peluang-peluang bertugas seperti yang dinyatakan semasa saya menjawab soalan dari Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim sebentar tadi.

Selain daripada itu, suka saya menerangkan bahawa FELDA adalah mengambil sikap yang terbuka mengenai peluang-peluang bagi peneroka-peneroka untuk mendapatkan kerja di luar asalkan tugas-tugas mereka di rancangan tidak tergendala.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, perkara penghijrahan ke Singapura ataupun ke bandar-bandar di Malaysia ini adalah perkara yang rumit sekarang kerana penekanan menekan kehidupan rakyat di luar bandar. Jadi, jika sekiranya Yang Berhormat Menteri tidak menyekat mereka daripada bekerja di luar bandar maka 2 - 3 faktor akan timbul dalam perkara ini. Perkara pertama ialah kawasan-kawasan di bandar akan menjadi kawasan kemiskinan oleh kerana penghijrahan orang-orang luar bandar untuk mencari mata pencarian di bandar-bandar besar seperti di Singapura, di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang dan di merata-rata bandar besar lagi.

Pertanyaan saya, Tuan Yang Dipertua, jikalau mereka ini dibenarkan keluar untuk bekerja, mengapakah galakan-galakan pekerjaan tidak diwujudkan di kawasan-kawasan ini dan juga mengapakah agihan industri-industri kecil tidak boleh dihantar ke kawasan ini supaya mereka dapat bekerja di situ juga?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, saya suka menerangkan iaitu FELDA tidak menggalakkan peneroka-peneroka untuk berhijrah ke negeri asing ataupun ke Singapura, malah arahan telah pun dibuat bahawa tidak dibenarkan peneroka-peneroka FELDA untuk berbuat sedemikian. Yang terjumlah ke dalam penerangan

semasa saya menjawab soalan pertama tadi ialah mereka yang mencuri-curi pergi keluar. Itu terpaksa diterangkan dahulu.

Yang kedua, mengenai peluang-peluang pekerjaan peneroka-peneroka di kawasan-kawasan FELDA, sesungguhnya Kerajaan telah mewujudkan secukupnya. Setakat ini kita dapati 40 kilang-kilang memproses kelapa sawit di seluruh Semenanjung Malaysia dan projek-projek sampingan yang memberi peluang kepada peneroka-peneroka adalah cukup di samping hak asasi mereka untuk mendapatkan pendapatan minima yang disebut sebentar tadi.

Oleh yang demikian, Kerajaan menyedari bahawa masih ada saki-baki masalah sosial yang timbul dalam kawasan projek Rancangan FELDA. Sebab itulah maka saya menyatakan sebentar tadi satu usaha untuk mengkaji secara teliti kedudukan masa depan sosial atau masyarakat kita di FELDA patut dan harus dibuat dan hasil dari kajian ini maka dapatlah Kerajaan membuat dan mengemukakan satu dasar yang lebih menyeluruh bagi mengatasi masalah-masalah sosial di rancangan masing-masing.

Peneroka-peneroka yang ingin menambah pendapatan di luar rancangan, ini tidak disekat tetapi untuk berhijrah ke Singapura maka itu telah pun diputuskan sebagai perkara yang tidak lagi dibenarkan.

RANCANGAN PROJEK PERINDUSTRIAN ASEAN

2. Tuan Tan Chang Soong meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan akibat atau keputusan Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang baru diadakan di Singapura dan apakah kedudukan Malaysia terhadap

Rancangan Projek-projek Perindustrian ASEAN dan faedah-faedah skim ini kepada Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang Dipertua, adalah dimaklumkan di Mesyuarat ke 14 Menteri-menteri Ekonomi Asean di Singapura pada tanggal 11hb - 13hb November, 1982, beberapa perkara telah dipersetujui yang melibatkan kepentingan bersama ASEAN dalam bidang ekonomi. Beberapa keputusan telah dicapai dalam Mesyuarat tersebut.

Dalam bidang perdagangan serantau, Mesyuarat telah bersetuju bahawa potongan tariff 20-25% "across-the board" terhadap barangan yang mempunyai nilai import sehingga US\$10 juta dan meluluskan 25 jenis barangan tambahan di bawah Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN PTA). Bagi barang bukan makanan (non-food) yang sedia ada dalam senarai, potongan tariff hendaklah ditingkatkan sehingga 50%. Mesyuarat seterusnya menggantikan pendekatan "matrix" dengan pendekatan "rundingan bilateral" bagi pertukaran barangan untuk diberikan keutamaan tariff. Jawatankuasa ASEAN mengenai Perdagangan dan Pelancungan seterusnya diarah untuk mengkaji pendekatan secara "sectoral".

Berkenaan dengan perindustrian Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah meluluskan dan menandatangani ringkas "Basic Agreement on Asean Industrial Joint-Ventures" (BAAIJV). Perjanjian ini dijangka akan memberi suatu rangka-kerja yang efektif bagi kerjasama dalam bidang industri di kalangan pihak swasta ASEAN. Hasil barangan dari AIJV ini diberi jaminan bagi pasaran di semua negara-negara

ASEAN melalui sistem keutamaan tariff. Pelabur-pelabur dari kalangan swasta adalah dijemput mengemukakan cadangan bagi projek-projek di bawah AIJV menerusi ASEAN Chambers of Commerce & Industry.

Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN juga telah menandatangani ringkas Supplementary Agreement on the ASEAN Copper Fabrication Project (Philippines).

Berhubung dengan projek-projek perindustrian ASEAN, Malaysia tidak bercadang menganjur projek baru selain dari 5 projek yang telah dipersetujui di bawah AIPs, oleh kerana sebab-sebab seperti berikut:

- (i) Keperluan pelaburan adalah tinggi dalam pelaksanaan projek-projek seperti itu manakala kadar pulangan atas pelaburan adalah rendah. Dengan demikian didapati bahawa sumbangan ikuiti dalam projek-projek seperti itu boleh digunakan untuk memajukan projek-projek nasional yang akan memberi kadar pulangan yang lebih tinggi serta memperluaskan kesan pembangunan.
- (ii) Dari segi pelaksanaan projek-projek yang besar ini didapati bahawa jangkamasa yang diambil dari peringkat kajian mungkinsuai ke peringkat pelaksanaan adalah terlalu panjang dan seringkali pelaksanaan ditangguhkan kerana tidak dapat persetujuan dari semua ahli-ahli ASEAN. Dalam masa ini kemungkinan besar kos projek tersebut akan naik dari tahun ke tahun dan ini akan mengurangkan kadar pulangan kepada pelaburan.

Namun demikian, pelaksanaan Projek-projek Perindustrian ASEAN yang pertama iaitu Projek Baja Urea ASEAN akan diteruskan dan faedah-faedah skim ini kepada Malaysia adalah:

- (i) tambahan nilai kepada sumber-sumber semula jadi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan;
- (ii) menjimatkan pertukaran matawang asing dan menambahkan pertukaran matawang asing melalui pembekalan "urea" dan "amonia" kepada pasaran dalam negeri serta melalui eksport kepada ahli-ahli ASEAN dan juga kepada negara-negara di luar rantau ASEAN; dan
- (iii) sebagai ahli ASEAN, pelaksanaan projek-projek perindustrian seperti tersebut itu merupakan satu peluang pelaburan kepada Malaysia serta memastikan bekalan keluaran daripada projek-projek tersebut pada harga yang berpatutan dan juga menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara-negara ASEAN.

Selain daripada faedah-faedah langsung, pelaksanaan projek ini, akan mewujudkan kesan-kesan lanjutan kepada industri-industri lain, iaitu pertambahan permintaan terhadap bahan-bahan binaan serta memberikan stimulasi kepada pembangunan industri-industri binaan dan kejuruteraan dan membawa masuk teknologi baru ke dalam negara kita.

Dengan pelaksanaan projek ini, petani-petani dan pekebun-pekebun kecil di negara kita akan dapat memperolehi baja dengan mudah dan pada harga yang menasabah. Ini akan

mbolehkan baja dengan secara lebih luas dan meninggikan pendapatan serta taraf sosio-ekonomi mereka.

Selain daripada yang tersebut di atas, projek ini akan memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi kawasan-kawasan luar bandar, khususnya daerah Bintulu dan pada amnya negeri Sarawak. Projek ini akan mewujudkan kesan lebih (spillover) yang akan menarik industri-industri yang lain ke daerah tersebut.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah juga mengkaji hasil perkembangan Dialog ASEAN dengan negara-negara ketiga dan bersetuju supaya ASEAN mengadakan Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi dengan Jepun bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN berhubung dengan pasaran Jepun ke atas barangan keluaran tropika seperti pisang dan nenas dalam tin. Mesyuarat seterusnya membincangkan pendekatan ASEAN secara umum ke atas isu-isu ekonomi antarabangsa dan bersetuju mengambil pendirian bersama di forum antara bangsa, terutamanya di mesyuarat peringkat Menteri GATT pada penghujung bulan November lalu dan sidang Keenam UNCTAD tahun 1983.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya berterima kasih di atas penerangan-penerangan yang disebut, fasal pada pendapat saya, ASEAN inilah tempat yang hadapan sehingga tahun 2,000 bila negara perindustrian akan meningkat setinggi-tingginya. Pada masa ini boleh dikatakan Pacific Basin adalah tempat yang tidak merana ataupun tempat yang tidak dirana oleh kemelesetan ekonomi, seperti negara Taiwan, Hongkong, Singapura dan termasuk juga kawasan ASEAN. Tetapi, Tuan Yang Dipertua, daripada jawapan

Yang Berhormat Menteri tadi, saya kurang faham kenapa daripada 5 projek ASEAN yang disebut itu banyak projek-projek lain tidak begitu ekonomik, dari segi terlalu banyak modal yang ditanamkan walhal hasil pendapatan daripada penanaman modal ini tidak mencukupkan. Tetapi bila saya dengar pula perkara projek Urea dan Amonia yang disebutkan tadi, banyak galakan-galakan 'spin-off services industries', peluang-peluang untuk pekerja-pekerja dan berbagai-bagai lagi sebagai alasan-alasan yang baik untuk negara kita.

Jadi dua sebutan ini tidak begitu berseimbang pada pendapat saya. Kalau kita dapat penerangan yang lebih baik lagi, yang lebih terang lagi, lebih menjelas lagi, saya banyakkah berterima kasih. Pertanyaan yang keduanya adalah masa hadapan ASEAN. Masa hadapan ASEAN nampaknya ialah di antara kita 5 negara sahaja, fasal kalau kita tengok ekonomi dunia sekarang yang diramalkan, kemelesetan ekonomi akan berterusan hingga tahun 2,000, sekurang-kurangnya 10 tahun dari sekarang. Negara Amerika tidak lagi membeli bahan-bahan mentah yang kita boleh keluarkan, negara Jepun umpamanya tidak lagi boleh menjual barang-barangnya yang sudah siap ke negara-negara Amerika dan juga negara-negara Eropah, dan Jepun pada masa ini, pada pendapat saya, adalah satu anegara yang notorious dengan sekatan-sekatan perdagangan atau protectionism serupa juga dengan negara Eropah dan negara Amerika Syarikat.

Daripada segi itu, saya ingin tahu apa rancangan dibuat oleh Kerajaan kita berkenaan dasar perniagaan akan datang, dalam masa 10 tahun akan datang. Sama ada kita mahu berniaga seterusnya dengan negara-negara maju seperti Amerika, Eropah dan negara Jepun atau pun kita concentrate lebih mendalam lagi di antara negara-negara ASEAN di mana harapan-harapan

untuk kita nampak cerah daripada jika kita tumpukan harapan itu ke negara Amerika Utara atau pun ke negara Eropah.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, bersabit dengan pertanyaan yang pertama iaitu pelaburan projek AIP ini di atas Urea, kita telah membuat kajian sebelum kita mempersetujui atau pun merancang projek Urea ini di Malaysia. Sebagaimana kita sedia maklum, projek Urea kedua-duanya diambil oleh negara ASEAN iaitu Indonesia dan Malaysia. Malaysia akan mengeluarkan ureanya yang pertama di dalam tahun 1985 di dalam anggaran kita. Kita telah mengkaji dari segi return of investment, dengan izin, tidak kurang daripada 8% dan jaminan ini kebiasaannya telah pun diberi oleh pihak-pihak semua negara-negara ASEAN, termasuklah Malaysia iaitu pulangan pelaburan tidak kurang daripada 8% daripada apa yang dilaburkan. Jadi dengan sebab inilah oleh sebab pertamanya projek yang dilancarkan oleh ASEAN maka Malaysia telah pun mempersetujui iaitu mengemukakan projek Urea ini dan kita berharap dengan adanya projek ini mungkin sepertimana yang saya sebutkan tadi iaitu kita dapat mengurangkan aliran keluar (foreign exchange) dan juga pekerjaan dapat diberi. Kita berharap benar iaitu apabila dijalankan projek ini, kita akan dapat apa yang kita jangka pulangan (return) dan juga keuntungan kepada negara kita Malaysia ini dan amnya kepada negara-negara ASEAN yang lain yang akan dapat pasaran di negara-negara di dalam ASEAN ini.

Bersabit dengan yang kedua cara manakah kita hendak meningkatkan perdagangan kita agar kita dapat pasaran yang lebih banyak lagi bukan sahaja barangan mentah kita iaitu timah, minyak kelapa sawit, kayu kayan dan getah tetapi kita berharap

juga kita akan dapat pasaran di negara-negara yang telah pun maju dan membangun (developed countries) oleh sebab dengan adanya usaha-usaha dan tekanan daripada pihak kita dan negara-negara yang sedang membangun yang lain (developing countries) kita berharap pasaran kita akan dapat di negara-negara ini. Oleh sebab kita tahu dan jelas dalam beberapa tahun yang lepas ini setengah-setengah negara yang maju telah memainkan peranan yang besar sebagai untuk menyekat atau menghalang barangan kita masuk dalam pasaran negara-negara mereka (protectionism) yang diamalkan oleh negara-negara ini.

Pada bulan yang lepas di mana kita sedia maklum, ada satu persidangan diadakan di Geneva iaitu di atas nama GATT, persidangan ini telah menekankan betapa pentingnya tiap-tiap negara mengamalkan perdagangan bebas (free trade), tiada sekatan baik pun sekatan cara tarif atau pun import duty dan sebagainya kepada negara ini dan kebanyakan telah diamalkan oleh negara-negara ini adalah dipanggil 'non-tariff barrier' iaitu dengan sekatan-sekatan kuota iaitu seperti baju-baju kemeja yang dibuat oleh Malaysia diberikan 250,000 helai sahaja yang perkara ini menghalangkan kebebasan perdagangan kita. Tekanan-tekanan ini telah pun dibuat supaya kebebasan perdagangan ini dapat diadakan. Saya dukacita sangat oleh sebab hasil daripada persidangan ini tidak begitu memuaskan tetapi walau bagaimanapun kita sentiasa akan menekankan supaya product-product yang akan dikeluarkan oleh Malaysia akan diterima oleh mereka pada masa-masa akan datang.

Yang kedua, saya sebutkan di sini iaitu kita akan pada masa hadapan ini dengan mengingat keadaan ke-melesetan ekonomi dunia, perlu kita

khususnya pihak swasta (private sector) mengambil langkah aggressive lagi dari segi kempen jualan barang-barangan mereka. Dengan adanya delegasi-delegasi cara persendirian yang dibuatkan, janganlah semata-mata menunggu daripada organisasi Kerajaan untuk mengadakan satu-satu delegasi perdagangan keluar negeri tetapi saya telah pun mengesyorkan supaya mereka sendiri membuatkan delegasi ke luar negeri menunjukkan barang-barangan mereka yang mereka sedia menjualkan kepada negara-negara ini. Juga kita sediakan sebagai salah satu daripada strategi kita untuk menjualkan barangan kita yang banyak lagi kepada negara-negara, bukan sahaja kepada developed countries ini, tetapi juga kepada negara-negara yang sedang membangun iaitu negara-negara dalam Asia Barat, di Afrika dan juga di Pasifik supaya kita dapat meluaskan lagi pasaran kita. Bukanlah semata-mata seperti mana di masa yang lalu kita hanya menumpu kepada pasaran-pasaran seperti di EEC, di Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun dan negara-negara yang ada kapasiti untuk membeli barang-barang kita. Inilah cara kita supaya mengadakan pamiran-pamiran ini moga-moga kita akan dapat menjualkan banyak lagi barang-barang kita ke negara-negara ini.

Dari segi ekonomi dunia, kita berharaplah tidaklah begitu lewat dan lambat supaya recovery dapat dicapai untuk ekonomi dipulihkan balik. Kita berharap barangkali kata-kata orang, experts mengatakan barangkali dalam tahun ini, tetapi experts ini pun kita tidak boleh sahkan juga mereka betul atau anggapan mereka iaitu di dalam akhir tahun hadapan ini recovery akan dapat iaitu memulihkan balik ekonomi dunia. Tetapi kesan-kesan yang ada sekarang ini setengah-setengah negara nampaknya ada sedikit sebanyak seperti faedah (interest rate) yang diberikan kepada bank-bank ini adalah

kurang. Ini boleh juga memberikan satu nafas yang baru supaya industri-industri di negara yang membangun ini seperti di Amerika Syarikat dapat memulihkan balik perindustrian mereka.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Masalah perdagangan dan perindustrian mengikut keputusan Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN. Tuan Yang Dipertua, saya sangat tertarik dengan soalan ini dan saya hendak bertanya. ASEAN kita telah didirikan sebagai diketahui oleh dunia 10 tahun dahulu dan dalam masa 10 tahun ini, serampang dua mata atau tiga mata atau berapa mata pun termasuklah serampang ekonomi ASEAN sendiri. Saya suka bertanya ada dua fasal dalam masalah ini. Apabila kita sebut ekonomi ASEAN, nombor satu, bagaimana gerakan perjalanan ekonomi ASEAN yang telah dibuat oleh 5 negara dalam ASEAN selama 10 tahun? Ada dia yang sudah dijalankan, apa yang sudah dibuat, apa kemajuan yang dia ada, berapa modal yang sudah disatukan di antara 5 negara dalam ASEAN ini? Saya pun tidak tahu, jadi saya hendak bertanya. Dalam masa 10 tahun, apakah yang telah tercipta bagi kemajuan seluruh 5 negeri dalam ASEAN ini?

Nombor dua, taraf antarabangsa, apa yang sudah peranan yang dimainkan oleh pihak ekonomi ASEAN dalam forum Ekonomi Antarabangsa atau pun dalam mengirakan gerakan ekonomi, gerakan kekayaan dalam negeri masing-masing kepada seluruh dunia dengan tidak memandang bulu, tidak memandang ideologi, kita sebarkan ke seluruh dunia tidak tersekat supaya kelapa sawit kita bukan sahaja di satu negeri, dua negeri bahkan beratus-ratus negeri dalam dunia kita salurkan. Misalnya, getah bukannya satu negeri, Amerika atau Russia, seluruh negeri

yang lain yang akan mengguna getah dalam dunia, kita salurkan. Ini kerja ekonomi yang jangka pendek dan jangka panjang yang dipelupori dalam erti kata sebenar supaya memajukan perusahaan-perusahaan dalam negeri kita ini.

Saya hendak bertanya, adakah ASEAN telah menyekat hanya negeri-negeri yang kita bersetuju sahaja kita boleh rundingkan atau pun ASEAN terus memberi dalam ekonomi ASEAN dalam 5 negara ini bermesyuarat bersetuju pembukaan ekonomi? Lima-lima negara ini mencari jalan supaya kita meluaskan pasaran-pasaran khasnya daripada kekayaan bumi kita ini. Katalah Malaysia kayunya banyak, minyaknya banyak, bijihnya banyak, getahnya banyak, mengapa kita makin susah. Semalam Menteri yang menjaga MAS dia kata rugi-rugi. Tahun 1983 saya tanya, rugi-rugi juga. Saya tidak faham begini banyak hasil bumi negara kita, begini punya khazanah yang paling menakjubkan. Sebenarnya kita duduk dalam negeri kita ini yang kita rasa tak takjub tetapi negeri-negeri lain dia takjub fasal semua ada laut, darat, gunung semua berisi. Tetapi kebijaksanaan pemimpin-pemimpin yang bersabit dengan ini adalah menjadi tanda soal. Sebab negeri-negeri yang kecil katalah negara jiran kita kecil dia tiada kekayaan bumi pun tetapi melambung ekonominya naik, kaya raya. Banyak saya boleh tunjukkan contoh dalam dunia negeri yang tidak mempunyai apa-apa hasil bumi yang kaya raya dalam dunia ini tetapi kebijaksanaan dan kepintaran orang yang memainkan peranan ekonomi dalam negara itu. Kita semua pun tahu. Saya hendak bertanya Tengku Menteri yang saya kasihi bagaimana peranan ekonomi dalam ASEAN taraf antarabangsa?

Malaysia kita ini adakah terbatas jualan getahnya? Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri kita, ke manakah kita hantar getah kita

ini. Adakah kita hantar ke negeri China, Russia, Poland, Australia atau Jepun?

Katalah pada pandangan saya tidak usah banyak daripada negeri-negeri anggota Bangsa-bangsa Bersatu yang 150 buah lebih, kalau ada 50 buah negara sahaja kita salurkan membeli getah, saya percaya getah sahaja boleh menanggung sebahagian besar ekonomi tanah air kita ini. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu saya tiga soalan tersebut?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, saya cubalah seberapa yang boleh apa yang ada dalam pengetahuan saya seperti apa yang ditanya oleh saudara saya yang dikasihi itu.

Soalan pertama, saya mula-mula sudah terlupa apa soalnya. (*Ketawa*). Tetapi sebelum dia habis tadi, dia bertanya balik, jadi teringat baliklah.

Yang pertama, peranan yang dimainkan oleh ASEAN atau pun kita semua di dalam ekonomi ASEAN sepertimana yang saya telah sebutkan tadi iaitu dalam masa beberapa tahun yang lepas kita telah banyak mengadakan projek dalam ASEAN seperti projek A.I.P. misalnya. Tetapi hanya sekarang ini, dengan izin, in the pipeline dua sahaja iaitu Urea Projek Indonesia, Urea Projek Malaysia Copper fabrication itu masih lagi di dalam feasibility study atau pun akan dimulakan sama juga soda ash di Thailand, Singapura belum lagi memilih apakah A.I.P Singapura. Dan selain daripada A.I.P. kita juga telah mengadakan A.I.C./A.I.P. maknanya ialah ASEAN Industrial Project manakala A.I.C. pula ialah ASEAN Industrial Complementation scheme. Selain daripada A.I.P. dan A.I.C. ini kita ada juga A.I.J.V. (ASEAN Industrial Joint Venture) yang mana bagi kita Malaysia

mencadangkan pada masa yang akan datang Malaysia dan juga negara-negara lain akan memberi galakan dengan sepenuhnya kepada A.I.J.V. oleh sebab ini ialah satu usaha sama (joint venture) di antara pihak swasta di dalam negara-negara ASEAN. Dan juga saya rasa dengan adanya ASEAN ini kita berunding dengan Jepun, dengan Amerika Syarikat dengan EEC dan salah satu yang saya rasa kita telah mendapat kesan ialah bersabit dengan perbincangan dua hala di antara ASEAN dengan EEC yang baru tamat perbincangannya (negotiation) pada minggu yang lepas yang mana bagi Malaysia khususnya, saya rasa mendapat keputusan yang memuaskan juga dari segi eksport barangan tekstail kita kepada pasaran EEC. Oleh sebab kita banyak lagi kuota dan satu prinsip anti-surge tidak akan digunakan kepada Malaysia dan juga rundingan-rundingan cara bersama ASEAN bersabit dengan rundingan kapal-terbang seperti ada hak frequency dan sebagainya yang mana pada masa-masa setahun dua yang lepas kita ketahui di antara kita ASEAN dengan Australia.

Juga baru-baru ini kita telah mengadakan rundingan dengan negara-negara di Eropah yang mana baru-baru ini kita berunding bersama atas nama ASEAN maka ini akan menguatkan kedudukan atau pendirian dalam perundingan ini. Jadi, banyakkah lagi perkara-perkara yang barangkali saya tidak dapat hendak sebutkan dengan telitinya seperti dengan Jepun yang kita ada joint consultation supaya kita dapat pasaran.

Yang kedua bersabit dengan getah. Yang sebenarnya kita menjual getah kepada kesemua negara termasuk Russia, China, EEC ataupun Amerika, dan dalam tahun 1981 mungkin hasil ataupun pendapatan kita daripada jualan getah tidak seperti yang kita dapat pada tahun 1979. Oleh

sebab harga getah turun dan juga kuantitinya kurang daripada tahun 1971. Tetapi kita harap dengan pulihnya balik ekonomi dunia maka kita dapat mengeluarkannya atau menjualkan banyak getah kita.

Dari segi antarabangsa (international forum) pula kita telah pun memberi kesan yang baik iaitu segi commodities issue atau isu-isu barangan mentah seperti getah, tin dan sebagainya. Inilah satu perkara yang saya rasa atas nama ASEAN atau pun atas nama collective bargaining, kita akan dapat menjayakan banyak perkara-perkara yang boleh memberi keuntungan bukan sahaja kepada negara kita Malaysia tetapi juga pada amnya negara-negara dalam ASEAN. Begitulah secara ringkasnya, Tuan Yang Dipertua. Saya rasa kalau saya hendak jawab panjang, kenalah berjumpa seorang sama seorang untuk memberikan semua penjelasan.

MAJLIS PENASIHAT IKLAN

3. Puan Hasnah binti Md. Kassim minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian akan menubuhkan majlis penasihat iklan untuk memastikan setiap iklan disiarkan mengikut peraturan yang dikehendaki dan ditetapkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais bin Yatim): Tuan Yang Dipertua, kod iklan sudah pun di Kementerian Penerangan, ianya digubal setelah dirundingkan terlebih dahulu dengan Persatuan Pengiklan dan Persatuan Ajensi-ajensi Pengiklanan Bertauliah. Oleh yang demikian semua syarikat pengiklanan yang ingin mengiklankan barang-barang mereka melalui TV atau radio terlebih dahulu iklan-iklan itu disemak dengan teliti oleh Bahagian Perdagangan Kementerian Penerangan.

RELA MENEMBAK POSTER PERDANA MENTERI

4. Tuan Basharon bin Hanafiah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap beberapa orang ahli RELA di Kedah, yang telah menembak poster-poster gambar Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia, yang tergantung berhampiran dengan mereka, apabila saja mereka mendapat tahu calon dari parti pembangkang, yang mereka sokong telah mendapat kemenangan di dalam pilihanraya yang lalu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, sukacita saya memaklumkan di Dewan ini bahawa pihak polis tidak menerima report ataupun laporan mengenai kejadian ahli-ahli RELA di Kedah menembak poster gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pilihanraya yang lalu sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti dan butir-butir lengkap mengenai kejadian tersebut maka sukalah saya meminta Ahli Yang Berhormat mengemukakan kepada kementerian saya untuk siasatan lanjut.

JAWATANKUASA MENAPIS MAJALAH-MAJALAH

5. Puan Rogayah Ariff minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengadakan sebuah Jawatankuasa untuk mengawas dan menapis dengan lebih rapi lagi majalah-majalah bulanan yang diterbitkan oleh pencetak-pencetak supaya isi atau rancangannya tidak merosakkan akhlak muda mudi kita.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya menghormati kebebasan akhbar dan mengamalkannya secara liberal. Namun demikian, pihak penerbit akhbar dan majalah perlulah menghormati dan menghargai kebebasan yang diberikan ini. Di samping itu, pihak penerbit-penerbit akhbar dan majalah diberikan syarat-syarat yang mereka perlu patuh.

Pada masa ini, Kementerian saya mempunyai undang-undang dan cara yang berkesan untuk mengawasi dan mengawal majalah-majalah yang diterbitkan di negara ini. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk mengadakan sebuah Jawatankuasa untuk mengawas dan menapis dengan lebih rapi lagi majalah-majalah bulanan yang diterbitkan di negara ini.

LEMPAR BATU KEPADA KERETAPI

6. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa kali telah kejadian melempar batu ke atas keretapi-keretapi dan apakah langkah-langkah pencegahan untuk mencegah kejadian itu

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang Dipertua, butir-butir berkaitan dengan kejadian melempar batu kepada tren-tren adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kejadian</i>
1978	174
1979	144
1980	158
1981	98
1982 sehingga 16-11-82	122

Kerajaan sedar tentang insiden-insiden melempar batu kepada tren-tren yang sedang dilakukan oleh budak-budak nakal/orang-orang yang tidak dikenali tatkala tren melalui di kawasan perkampung/kawasan perumahan setinggian yang berada di seluruh sistem rangkaian KTM.

Pada lazimnya tiap-tiap kejadian telah pun dilaporkan kepada pihak polis dan pihak polis akan menyiasat tiap-tiap insiden melempar batu kepada tren-tren. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang jelas mengenainya tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Pihak polis sentiasa meneruskan kegiatan mereka untuk mencegah sama sekali insiden-insiden seumpama ini dengan mengadakan dialog dengan Ketua-ketua Kampung dan penduduk-penduduk di kawasan perumahan setinggian agar dapat mereka memberi nasihat kepada anak-anak tentang bahayanya melempar batu kepada tren-tren yang mana akan mencederakan penumpang-penumpang serta juga menjahanamkan harta benda Kerajaan.

Selain dari itu Keretapi Tanah Melayu juga telah mengadakan beberapa perjumpaan muhibbah di seluruh rangkaian Keretapi dengan Ketua-ketua kampung dan penduduk-penduduk di perkampungan yang berdekatan dengan landasan. Ini bertujuan untuk mendapatkan kerjasama mereka bagi mencegah kegiatan yang kurang sihat ini, juga perhubungan sedang dijalankan dengan Pengarah Penerangan Negeri untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama mereka bagi mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mencegah/membasmi kegiatan ini.

Adalah diharapkan dengan tindakan-tindakan yang tersebut di atas, insiden-insiden merejam batu kepada tren-tren akan dapat dikurangkan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah benar melempar batu ke keretapi itu disebabkan penumpang keretapi itu sendiri kerana mereka sendiri melempar benda-benda yang kotor-kotor ke kampung-kampung yang berhampiran dengan jalan keretapi. Saya rasa adalah perlu nasihat-nasihat ataupun penerangan-penerangan patut diberikan juga kepada penumpang-penumpang keretapi itu supaya perkara yang didakwakan oleh penduduk-penduduk di sekitar jalan keretapi itu tidak akan berlaku lagi.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar. Walau bagaimanapun, saya akan siasat apa yang dituduh tadi.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya nampak lima tahun mengikut report Yang Berhormat ini telah berlaku melempar batu bukan sahaja bertambah kurang tetapi meningkat. Tahun 1982 belum habis tahun, 122 kejadian, 1978—174 kejadian, 1979—144 kejadian, 1980—158 kejadian, tahun 1981 turun sedikit 98 kejadian, tahun 1982 belum habis tahun ini 122 kejadian, naik balik. Jadi, dari segi sifir—kira-kira maknanya perkara ini tidak berkurangan. Bukan pula satu masa yang pendek dua bulan, setahun, dua tahun tetapi tiap-tiap tahun daripada 1978; ini yang diberi tahu oleh Yang Berhormat Menteri, saya tidak tahu sebelum itu, 1978 sampai 1982 masih ada satu perkara yang memalukan negara kita ini iaitu melempar batu, ini adalah akhlak atau pun orang yang tidak berbudi, tidak menginsafi kepada kemanusiaan yang duduk di dalamnya yang kadang-kadang saya rasa kalau tidak kena, kalau kena tentang mata barangkali boleh jadi buta.

Seorang Ahli Yang Berhormat: Ada yang sudah kena.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Ya. Ada yang sudah kena dan barangkali boleh juga membawa maut. Ini satu tabiat saya rasa yang sangat dikesali orang—semua manusia dalam dunia ini. Saya rasa kalau kita fikir pula ini bukanlah perkara biasa sahaja mungkin kita/kata kanak-kanak nakal, saya tidak percaya. Mungkin juga saya fikir ini adalah subversif komunis atau subversif orang yang tidak puas hati kepada sesuatu keadaan. Jadi, pandangan saya, Tuan Yang Dipertua, kalau kita jalankan langkah-langkah yang tegas dan berani bukan sahaja berjumpa dengan Ketua kampung, bukan sahaja kita kena kerjasama dengan Polis ataupun kalau perlu dengan Tentera, sebab ini akibatnya sangat buruk. Sepatutnya dalam negeri kita yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersih, cekap amanah dan bermaruah tidak berlaku perkara yang tidak bermaruah semacam ini. Sebab itu saya minta penerangan, bolehkah Yang Berhormat Menteri boleh minta kerjasama dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita ada atau pun Menteri Pertahanan kita, kalau perlu. Kalau saya fikirkan ini bukan daripada budak nakal, saya rasa mengatakan budak nakal ini penerimaan saya tidak berapa sesuai. Sebab perkara itu berlaku saya tengok tidak berhenti-henti. Kalau sebenarnya budak, Ketua Kampung sudah pergi ke tempat itu, misalnya dalam jagaannya, dia mesti tahu dan boleh dapat ikuti sehingga dapat ditangkap tetapi nampaknya tidak ada apa-apa kesan. Sebab itu bagi maruah bangsa, maruah yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, ini satu lagi berlaku yang memalukan kita semua, berlaku sepanjang masa nampaknya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri meminta kerjasama dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atau kalau perlu Yang Berhormat Menteri Pertahanan, kita hantar Polis di mana tempat yang selalu berlaku. Kita tidak usah

lepaskan ini. Kita betul-betul tangkap sebab tiap-tiap tahun berlaku, betulkah Yang Berhormat Menteri?

Dato' Lee San Choon: Betul.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Ya, betul! Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjalankan tindakan secara tegas supaya mengurangkan tindakan liar yang tidak patut berlaku dalam negeri kita ini?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang Dipertua, saya telah menjawab iaitu tiap-tiap insiden yang berlaku telah dilaporkan kepada pihak Polis dan pihak Polis seperti Yang Berhormat maklum mesti menjalankan tugas dengan secara perundangan, dengan law yang kami ada sekarang. Memang pihak Polis berusaha mencari bukti kepada tiap-tiap insiden tetapi sebelum dapat bukti-bukti yang cukup, pihak Polis tidak dapat mengambil tindakan yang lebih tegas. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih atas nasihat Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Bolehkah diambil tindakan tegas, itu jawabnya.

Dato' Lee San Choon: Boleh tetapi mesti dengan cara undang-undang.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Menteri telah menjawab tahun 1978 hingga 1982 kejadian ini tidak berkurangan tetapi bertambah. Di sini saya hendak bertanya, yang pertama apakah hukuman yang dijatuhkan bersabit jika dapat ditangkap orang yang melakukan baling batu kepada penumpang-penumpang? Yang kedua, oleh kerana itu telah lama, tidakkah ada pihak Kementerian ataupun pihak

Jabatan Keretapi membuat notis ataupun kenyataan di mana ada kampung Melayu didirikan papan kenyataan adalah baling batu dan sebagainya salah, adakah dibuat? Saya rasa ini perlu kerana selama ini tidak ada kenyataan-kenyataan ataupun sebagainya yang diterangkan kepada penduduk-penduduk ataupun orang-orang yang duduk di kawasan di tepi landasan keretapi.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang Dipertua, berkenaan hukuman itu terserahlah kepada mahkamah, mahkamah yang menjatuhkan hukuman jikalau dibuktikan dalam mahkamah satu-satu kesalahan telah berlaku.

Yang kedua, berkenaan cadangan untuk memberi papan tanda atau tulisan, ini kami boleh timbangkan cadangan itu.

DASAR PANDANG KE TIMUR

7. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dalam dasar "Pandang ke Timur" sama ada Kerajaan bertujuan menyekat dan menghalang mengimport kereta-kereta dari negara-negara barat.

Tengku Dato' Ahmad Ritahudeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, pengimportan kereta-kereta, dari mana-mana punca adalah tertakluk kepada perlesenan import, sebagai satu langkah untuk melindungi industri pemasangan kereta-kereta tempatan. Peraturan ini telah pun kita laksanakan sejak beberapa lama dahulu.

Dasar "Pandang ke Timur" Kerajaan adalah sebagai satu usaha Kerajaan untuk mendedahkan rakyat kepada ethika kerja yang baik yang terdapat di negara-negara timur yang

patut ditauladani. Dengan menyerap ethika-ethika yang baik ini sebagai ethika kerja kita, Kerajaan berharap negara kita dapat mewujudkan masyarakat yang tekun bekerja dan bangga dengan hasil kerja mereka. Keadaan ini pula dapat menyumbangkan kepada cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju dan makmur.

Dengan yang demikian, saya ingin menyatakan bahawa Dasar Pandang ke Timur dengan penyekatan import kereta-kereta dari luar negeri adalah dua isu yang berlainan yang mempunyai tujuan-tujuan berasingan pula.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Daripada segi jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa cukai-cukai ini dilonggok kerana menggalakkan pengeluaran kereta di dalam negeri, saya bersetujulah dengan pendapat itu. Tetapi bagi pihak saya, Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu jikalau Malaysia yang banyak sekali mempunyai natural gas, banyaknya yang diestimate pada masa ini dijangka 74 billion cu. ft, dan kita pula mengimport minyak untuk menjalankan kereta-kereta di sini, mengapakah kita tidak menggalakkan import kereta-kereta yang menggunakan gas daripada yang menggunakan minyak?

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, untuk menukarkan daripada guna minyak petrol kepada gas, ini saya rasa tidaklah begitu sulit bahkan sekarang ini kitapun ada motokar-motokar yang boleh dikatakan hybrid iaitu kalau tekan ke bawah gunakan gas, tekan ke atas gunakan minyak, tidak jadi masalah. Saya rasa tidak perlu kita mengimportkan dan orang-orang kita sendiri sekarang ini di Malaysia telah

pun menukarkan buat sendiri, buat di garage yang ada di dalam negara kita ini menukarkan kepada menggunakan LNG. Saya rasa tidak perlu kita mengimportkan motokar-motokar khas untuk menggunakan LNG kerana motokar itu senang sahaja hendak menukarkan mengadakan LNG ataupun minyak.

CUKAI IMPORT MAKANAN BINATANG BAJA

8. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menghapuskan cukai import terhadap bahan-bahan makanan binatang baja, insektisaid yang bukan keluaran tempatan untuk meringankan bebanan perniagaan berkenaan akibat daripada tekanan resessi ke atas industri ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, mengenai bahan-bahan bagi membuat makanan binatang, bolehlah dikatakan semua bahan-bahan itu telah dihapuskan cukai-cukai atasnya kecuali bahan-bahan yang ada dikeluarkan di negara ini. Mengenai baja pula, semua duti import dan cukai tokok atas baja yang tidak dikeluarkan di negara ini telah dihapuskan melalui Belanjawan 1982. Begitu juga dengan racun serangga—duti import dan cukai tokok telah dihapuskan atas jenis yang tidak dikeluarkan di negara ini menerusi Belanjawan 1982 itu.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

KONSEP KEISLAMAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN

9. Dato' S. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan telah menyatakan keinginan mereka untuk menyemaikan konsep keislaman di dalam pentadbiran Kerajaan dan sama ada beliau mempunyai sebarang cadangan untuk menimbangakan juga penerimaan unsur-unsur lain-lain agama di negara ini seperti agama Kristian, Buddha dan Hindu untuk kebaikan pentadbiran dan adakah beliau bercadang untuk membincangkan perkara ini dengan wakil-wakil agama bukan Islam ini.

Dato' Haji Mohamad bin Nasir: Penyemaian konsep keislaman di dalam pentadbiran Kerajaan hanyalah satu perkara yang wajar, kerana Islam merupakan agama rasmi negara ini. Walau bagaimanapun, Rukunegara dan dasar-dasar lain yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan seperti dasar memandangkan ke Timur tidak sekali-kali mengenyahkan kemungkinan sistem pentadbiran Kerajaan menyerap juga nilai-nilai akhlak dan kemasyarakatan yang diajarkan oleh lain-lain agama.

Sebagai contoh, prinsip Pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah boleh diasaskan kepada agama Islam ataupun lain-lain agama, juga. Semua agama mengutamakan nilai-nilai akhlak yang tinggi dan mulia. Cuma cara-cara pencapaiannya yang mungkin berbeda-beda. Begitu juga halnya dengan usaha mewujudkan satu Ethika Kerja yang baru dalam pentadbiran. Sumber-sumber ethika itu boleh datang dari apa-apa corak agama dan kebudayaan juga pun. Yang penting ialah ethika itu harus dapat memenuhi keperluan semua golongan pekerja di negara ini dan tidak akan ada apa-apa prinsip yang bercanggah dengan ajaran agama-agama tertentu.

Mengenai bahagian kedua soalan Yang Berhormat itu, sama ada wujud cadangan untuk mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil agama bukan Islam mengenai perkara ini, adalah terserah kepada pihak-pihak yang terlibat. Jika dalam membincangkan hal mewujudkan pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah dan dalam soal mewujudkan Ethika Kerja yang baru dan sebagainya, keperluan itu timbul, saya yakin perbincangan-perbincangan sewajarnya pasti akan dilakukan.

RANCANGAN FELDA/FELCRA KE SARAWAK

10. Tuan Kenneth Kanyan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk meluaskan kegiatan-kegiatan agensi Pembangunan Tanah Persekutuan seperti FELDA dan FELCRA ke Sarawak untuk menyegerakan proses pembangunan di Sarawak, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Berkenaan dengan perkara ini, suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sebenarnya FELCRA telah pun memperluaskan kegiatannya (aktiviti) ke Sarawak. Buat jangka masa ini, FELCRA sedang membuka 3 kawasan rancangan tanah dalam kawasan RASCOM, Berkenaan dengan FELDA pula, usaha sedang diambil bagi mendapatkan kawasan-kawasan tanah Kerajaan supaya dapat dibuka rancangan-rancangan tanah ala FELDA.

Bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sudah ada agensi-agensi Kerajaan Negeri yang di tentukan di Sarawak yang

menjalankan kegiatan selaras dengan kegiatan yang dilaksanakan oleh FELDA dan FELCRA. Agensi yang menjalankan kegiatan pembukaan tanah seperti yang dilaksanakan oleh FELDA ialah Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB) dan yang menjalankan kegiatan seperti yang dilaksanakan oleh FELCRA di Semenanjung Malaysia ialah Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA).

POTONGAN ELAUN BANTUAN MASYARAKAT

11. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada benar bahawa elaun bantuan masyarakat dipotong dan sama ada beliau sedar bahawa kadar yang lama pun adalah tidak mencukupi bagi penerima-penerima bantuan dan jika sedar sama ada beliau akan mengkaji untuk menambahkan elaun tersebut.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aisah binti Haji Abdul Ghani): Kementerian saya terpaksa mengurangkan kadar bantuan dalam bulan Ogos kerana sebanyak \$3.67 juta telah dipotong daripada jumlah peruntukan bantuan kepada orang-orang yang berkeperluan.

Walau bagaimanapun perkara ini telah ditimbang semula dan potongan sebanyak \$3.67 juta itu telah pun dikembalikan kepada Kementerian saya. Dari itu segala bantuan dibayar mengikut kadar lama. Untuk makluman kadar ini mula dilaksanakan pada bulan Januari 1981.

Kementerian saya senentiasa mengkaji kadar bantuan dari masa ke semasa dan akan mengubahnya dengan berpandukan keadaan ekonomi negara kita.

PAKAR JANTUNG DI HOSPITAL

12. Dato' Yap Peng minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pakar jantung di Hospital Besar, Kuala Lumpur dan Universiti Hospital Petaling Jaya dan sama ada beliau akan mengambil tindakan untuk menambahkan bilangan pakar-pakar ini di samping pakar-pakar yang lain supaya perkhidmatan kepakaran boleh didapati di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat seorang Pakar Jantung (Cardiologist) dan seorang Pakar Bedah Jantung (Cardio-Thoracic Surgeon) di Hospital Besar, Kuala Lumpur sekarang. Di Hospital Besar, Kuala Lumpur terdapat juga seorang lagi Pakar Jantung dari Universiti Kebangsaan.

Di Hospital Universiti pula, terdapat 3 orang Pakar Jantung dan 2 orang Pakar Bedah Jantung.

Saya suka menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menambahkan bilangan Pakar Jantung dan Pakar Bedah Jantung dengan menyediakan latihan lepasan ijazah dan biasiswa-biasiswa dalam bidang ini. Gulungan Pegawai-pegawai yang lain yang bersangkutan juga sedang disediakan.

BUNGA RAYA SEBAGAI BUNGA KEBANGSAAN

13. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan masih mengakui bahawa Bunga Raya adalah bunga kebangsaan dan jika ya, apakah rancangan Kerajaan untuk menempatkannya sejajar dengan kedudukannya yang sedemikian.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Bunga Raya sebagai bunga yang senang tumbuh dan boleh terdapat di mana-mana di negara ini adalah menjadi bunga kebangsaan. Kerajaan tidak bercadang untuk menghilangkan status bunga tersebut sebagai bunga kebangsaan. Bunga Raya sememangnya telah diletakkan di tempat yang sewajarnya sesuai dengan kedudukan bunga tersebut. Dalam hubungan ini, Bunga Raya telah dimasukkan dalam lambang negara iaitu Lambang Malaysia yang menunjukkan bahawa bunga tersebut telah diletakkan ditempat yang sewajarnya.

HOSPITAL DI LADANG-LADANG— KEMUDAHAN

14. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Kesihatan meyakinkan sama ada Kementerian beliau:

- (a) bercadang mengambil alih hospital-hospital yang berada di ladang-ladang; dan
- (b) merancang untuk membaiki lagi kemudahan dan pengawasan kesihatan di ladang-ladang.

Dato' K. Pathmanaban: Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pembekalan kemudahan perubatan kepada penduduk-penduduk di ladang-ladang adalah disediakan oleh pihak pengurusan ladang-ladang sendiri di bawah seksyen 183 "Rump Labour Code" yang ditadbirkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Walaupun demikian, Kementerian Kesihatan berkuasa ke atas hospital-hospital ladang melalui Akta

Hospital Persendirian 1971. Akta ini memastikan bahawa hospital-hospital tersebut mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai kemudahan dan tenaga pekerja yang bersesuaian untuk memberikan perkhidmatan perubatan yang sempurna. Cara melesenkan Hospital ladang, dan syarat-syaratnya, sedang dibincangkan oleh Kementerian dengan pihak pengurusan ladang-ladang melalui United Planting Association of Malaysia. Kementerian juga sedang berusaha untuk meningkatkan lagi mutu latihan Pembantu-pembantu hospital ladang-ladang. Oleh yang demikian, tidaklah perlu bagi Kementerian mengambil alih pengurusan hospital-hospital ladang. Walau bagaimanapun, penduduk-penduduk ladang boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan kerajaan di pusat-pusat kesihatan yang terdapat dalam kawasan mereka. Pusat-pusat Kesihatan itu adalah disediakan melalui rancangan-rancangan Perkhidmatan Kesihatan Desa, dengan tekanan khas ke atas program-program penggalakkan dan pencegahan termasuk Perkhidmatan Ibu dan Kanak-kanak, Pelalian, Pelajaran Kesihatan, Program Pemakanan dan Kawalan Penyakit Berjangkit. Pegawai Kesihatan dalam daerah kesihatan yang mana terdapatnya hospital-hospital ladang juga membuat lawatan dari masa ke semasa ke hospital-hospital itu dan memberi nasihat kepada pihak pengurusan mengenai cara-cara memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan serta pengawalan penyakit.

Kementerian Kesihatan akan meneruskan usaha untuk menambatkan kemudahan-kemudahan dan memperkembangkan perkhidmatan di kawasan-kawasan itu sejajar dengan matlamat "Kesihatan Untuk Semua Menjelang tahun 2000".

BOT NELAYAN KUALA PERLIS MENGGUNAKAN PEKERJA THAILAND

15. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa bot-bot nelayan Kuala Perlis yang mendapat lesen menggunakan pekerja-pekerja dari Thailand dalam operasi menangkap ikan dan perkara ini menutup peluang pekerjaan bagi anak tempatan dan kemungkinan membahayakan keselamatan negara. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi hal tersebut.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Kerajaan sedar bahawa bot-bot nelayan-nelayan di Kuala Perlis menggunakan pekerja-pekerja dari Thailand. Ini adalah dikehendaki oleh nelayan-nelayan Perlis sendiri, oleh sebab bot-bot mereka juga menangkap ikan di perairan Thailand. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah dan akan diambil untuk mengurangkannya.

BUKU-BUKU PERPUSTAKAAN SEKOLAH

16. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah rendah masih kekurangan buku-buku perpustakaan mengikut nisbah 8 buah buku untuk seorang murid, jika sedar adakah beliau bercadang untuk menambah peruntukan khas untuk perpustakaan, sesuai dengan KBSR dan penyediaan bilik-bilik perpustakaan yang dilaksanakan sekarang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Memang benar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah rendah

pada masa ini masih belum dapat mencapai nisbah 8 buah buku untuk seorang murid.

Penambahan buku-buku perpustakaan sentiasa dibuat oleh sekolah-sekolah dari semasa ke semasa melalui peruntukan khas tiap-tiap tahun yang diberi oleh Kementerian Pelajaran.

Bagi sekolah-sekolah luar bandar, kadar peruntukan ini adalah lebih, kerana sekolah-sekolah tersebut adalah kecil.

Usaha penambahan buku-buku perpustakaan ini akan berterusan sehingga ia akan melebihi nisbah yang dikatakan 8 buah buku untuk seorang murid.

PENDATANG HARAM INDONESIA—KAWALAN

17. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang dijalankan untuk mengawal pendatang-pendatang haram dari Indonesia masuk ke negara kita dan bilangan anggaran pendatang haram Indonesia dan sama ada langkah-langkah yang serupa diambil untuk mengawal pendatang-pendatang haram dari Indo-China.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Kerajaan tidak mempunyai jangkaan bilangan pendatang haram Indonesia yang masuk ke negara ini kerana kalau ada pun mereka itu masuk ke negara ini secara haram.

Di dalam usaha untuk mengatasi kemasukan pendatang haram ke negara ini, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan termasuklah membesarkan lagi unit Penguatkuasa Jabatan Imigresen, meningkatkan lagi rondaan oleh tentera laut dan polis marin.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tindakan yang sama ke atas mereka sebagaimana yang dibuat kepada pendatang-pendatang haram Vietnam. Kerajaan berpendapat keadaannya tidaklah begitu mendesak seperti pendatang haram Vietnam kerana jentera-jentera Kerajaan yang sedia ada seperti Jabatan Imigresen, Polis dan lain adalah mencukupi.

HOSPITAL BESAR KUALA TERENGGANU

18. Puan Hasanah binti Md. Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapakah di masa-masa yang akhir ini pembinaan bangunan Hospital Besar Kuala Terengganu terhenti; dan
- (b) mengapakah pembinaan Hospital Kuala Brang (Ulu Terengganu) juga dihentikan.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Pembinaan Hospital Besar Kuala Terengganu telah terhenti selepas kerja-kerja cerucuk dan infrastruktur disiapkan pada pertengahan tahun 1982 oleh sebab Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan beberapa hospital baru di bawah Kementerian Kesihatan, termasuk Hospital Besar Kuala Terengganu, secara "Turnkey"!
- (b) Bagi Hospital Daerah Kuala Brang (Ulu Terengganu) pula, Kerajaan telah juga mengambil keputusan untuk melaksanakan Hospital tersebut secara "Turnkey". Urusan-urusan untuk menawarkan projek-projek ini secara "Turnkey" sedang dijalankan pada masa ini.

SKIM PERKESO (SOCSO)

19. Tuan D. P. Vijandaran minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah sumbangan ke SOCSO dari permulaannya hingga setakat ini;
- (b) jumlah yang dibayar kepada pekerja-pekerja setakat ini; dan
- (c) sama ada terdapat cadangan untuk menggunakan kelebihannya untuk:
 - (i) menggalakkan keselamatan pekerja dalam bidang perusahaan; dan
 - (ii) menubuhkan pusat-pusat untuk memulihkan pekerja-pekerja yang cedera dan melatih mereka semula bagi pekerja-pekerja yang berfaedah.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' William Lye Chee Hien):

- (a) Sejak pelaksanaan skim PERKESO pada 1hb Oktober, 1971 jumlah caruman kepada PERKESO bagi tiap-tiap tahun sehingga bulan September 1982 adalah seperti berikut:

Tahun	Caruman
	\$
1971	73,133
1972	2,294,566
1973	7,547,756
1974	17,363,148
1975	22,460,003
1976	26,191,403
1977	30,751,254
1978	37,420,347
1979	43,520,993
1980	54,965,632
1981	81,062,670
1982 (hingga Sept.)	66,789,384
Jumlah ..	<u>\$390,440,289</u>

(b) Jumlah yang dibayar kepada pekerja-pekerja sehingga bulan September 1982 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bayaran Faedah</i>
1971	\$ 1,917
1972	170,916
1973	761,807
1974	1,543,122
1975	1,933,727
1976	2,276,145
1977	2,936,947
1978	4,011,924
1979	4,684,948
1980	4,863,802
1981	8,005,765
1982 (hingga Sept.)	7,097,378
Jumlah ..	<u>\$38,288,398</u>

(c) (i) Buat masa sekarang, tidak ada rancangan tertentu bagi menggunakan kelebihan caruman kepada PERKESO untuk menggalakkan keselamatan perusahaan. Walau bagaimanapun Kementerian saya memang memberi perhatian yang teliti kepada perkara tersebut. Pada masa sekarang, Kementerian saya sedang bekerja rapat dengan agensi-agensi lain bagi meningkatkan kesedaran keselamatan perusahaan. Dalam lawatan-lawatan khas yang dirancangan pegawai-pegawai dari Kementerian saya sering mementingkan keperluan majikan-majikan untuk mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi menjaga keselamatan perusahaan di tempat-tempat pekerjaan selain dari itu. Kementerian saya sentiasa menayang

filem-filem dan memberi ceramah kepada badan-badan yang berkenaan dan majikan-majikan bagi mengujudkan kesedaran ini. Di bawah Kementerian saya, Jabatan Kilang dan Jentera dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial adalah agensi-agensi khas yang dipertanggungjawabkan mengenai keselamatan perusahaan.

(c) (ii) Kementerian saya juga tiada rancangan, buat masa ini, untuk menubuhkan pusat-pusat pemulihan dengan menggunakan kelebihan caruman kepada PERKESO. Walau bagaimanapun PERKESO sedang bergiat secara aktif dalam usaha-usaha pemulihan pekerja-pekerja dengan rancangan-rancangan menempatkan pekerja-pekerja yang cedera itu di pusat-pusat pemulihan awam dan juga swasta. Di samping itu, Kementerian Kebajikan Am sedang dalam proses membina sebuah pusat khas untuk pemulihan orang-orang yang cedera atau cacat semasa menjalankan pekerjaan.

PERJANJIAN LNG DENGAN PEMBELI JEPUN

20. Dato' Haji Mohd Nor Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab perjanjian penetapan harga untuk LNG di antara "Japanese Utiliser" dan "Mitsubishi—Petronas Consortium" dan antara "Consortium" dan "Petronas" untuk gas asli masih belum ditandatangani; dan
- (b) sama ada rancangan yang menyatakan bekalan berlebihan LNG dunia dalam tahun 1983 dan 1984 dan tahun-tahun

berikutnya akan menjejaskan ekonomi Malaysia, berkaitan dengan simpanan gas kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua,

(a) Perjanjian Jual-Beli LNG di antara Malaysia LNG Sdn Bhd dengan pembeli-pembeli dari Jepun adalah untuk jangka masa lebih dari 20 tahun dan memerlukan pengkajian secara teliti dari kedua-dua pihak. Di samping itu oleh kerana wujudnya lebihan petroleum di pasaran, pembeli-pembeli dari Jepun telah meminta supaya beberapa syarat-syarat tertentu yang dahulunya telah dipersetujui dikaji semula. Keadaan inilah yang menyebabkan kelambatan menyempurnakan perjanjian tersebut. Walau bagaimanapun adalah dijangka bahawa perjanjian ini akan dapat dipersetujui oleh kedua-dua pihak tidak lama lagi. Bagi Perjanjian Pembekalan Gas Asli di antara PETRONAS/Sarawak Shell dan Malaysia LNG Sdn Bhd, ianya cuma dapat ditandatangani sekiranya Malaysia LNG telah menandatangani perjanjian Penjualan LNG dengan Pembeli-pembeli dari Jepun kerana banyak daripada syarat-syarat Perjanjian Pembekalan Gas Asli itu adalah berkaitan dan bergantung kepada Perjanjian Penjualan LNG.

(b) Keadaan pengeluaran LNG di dunia sekarang tidak mungkin memberi apa-apa kesan terhadap jumlah penjualan LNG ke Jepun. Walau bagaimanapun ia boleh

mempengaruhi harga LNG negara ini. Setakat ini ekonomi Malaysia tidak pernah mendapat sumbangan dari hasil eksport LNG dan oleh itu punca hasil yang baru ini akan menjadi punca tambahan kepada hasil negara.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (15hb Disember, 1982)

3.35 ptg.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang Dipertua, menyambung perbahasan saya dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sukalah saya menarik perhatian kepada Kementerian ini khususnya supaya apa-apa yang telah diberi peruntukan ataupun peruntukan yang telah dijalankan supaya menjalankan dengan sempurna sebagaimana tujuan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu yang memastikan tercapainya dasar Kerajaan:

(a) berusaha membina banyak lagi rumah kos rendah. Ini yang saya maksudkan, Tuan Yang Dipertua, dan

(b) berusaha ke arah memberi peluang kepada setiap orang mempunyai rumah.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah inilah saya suka menitikberatkan sejauh manakah prestasi Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini menyelenggarakan tujuan-tujuan ataupun untuk memastikan tercapainya dasar-dasar Kerajaan yang telah diperuntukkan di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya perkatakan oleh sebab perumahan ini adalah satu perkara yang besar sekali yang mana diminati oleh seluruh rakyat yang tidak mempunyai rumah, maka adalah wajar bagi pihak Kerajaan atau Kabinet memastikan bahawa menukarkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini khusus kepada Kementerian Perumahan Negara. Ini akan membolehkan Kementerian ini melaksanakan tugas-tugas yang maha penting demi kepentingan rakyat yang telah memberikan mandat terhadap Kerajaan sejak suku abad yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, saya juga suka menyentuh dalam masalah pentadbiran bagi memodenkan kehidupan dan persekitaran kampung-kampung terutamanya kampung-kampung baru. Ini juga satu soalan yang saya hendak kemukakan kenapa terutamanya kepada kampung-kampung baru, ada sebab musababnya yang Kementerian ini mengambil begitu berat peranannya untuk memodenkan kehidupan di persekitaran kampung-kampung terutamanya kampung-kampung baru. Saya berharap perkara ini tidak berlanjutan dan sekiranya dilanjutkan juga akan menimbulkan salah faham khususnya di antara perkampungan-perkampungan yang ada di sekitar perkampungan-perkampungan baru di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya menyentuh dalam masalah Kerajaan Tempatan yang mana saya pastikan Kerajaan Tempatan ataupun Penguasa-penguasa Tempatan yang di bawah Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan ini tidak dapat menjalankan tugas-tugas ataupun maklum-balas daripada Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara kita ini sebagaimana yang telah diaktakan pada tahun 1976 oleh sebab Kerajaan-kerajaan Negeri itu sendiri tidak mempunyai wang yang secukupnya untuk menjalankan tugas-tugas penting di dalam Penguasa-penguasa Tempatan ini. Inilah melibatkan banyak persoalan-persoalan yang telah dipersoalkan daripada satu masa ke satu masa. Saya berpendapat ada baiknya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini ataupun Kerajaan Tempatan ini dialihkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang mana kita telah membentuk Wilayah Persekutuan ini hanya menjaga Wilayah Persekutuan sahaja, jadi kalau dicantumkan dengan Penguasa Tempatan di seluruh negara adalah wajar bagi pihak Kementerian ini untuk melaksanakan sebagaimana yang kita maklumi bahawa Penguasa-penguasa Tempatan tidak ada pilihanraya-pilihanraya yang tertentu sebagaimana juga di dalam Wilayah Persekutuan ini. Maka dengan adanya kombinasi di antara Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Penguasa-penguasa Kerajaan Tempatan ini, saya percaya segala masalah dapat di atasi.

Tuan Yang Dipertua, saya menyatakan begitu oleh sebab memandangkan lebih 200 Penguasa-penguasa Tempatan yang telah menerima Akta Kerajaan Tempatan sejak diwujudkan pada tahun 1976 yang lalu. Jadi oleh sebab kita telah menerima Akta Kerajaan Tempatan tetapi tidak dapat bantuan yang sewajarnya daripada Kementerian yang berkenaan, maka dengan sebab itulah sebagaimana yang saya katakan bahawa Penguasa-penguasa Kerajaan Tempatan di seluruh negara kita ini tidak dapat berjalan dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh

Kerajaan kita. Jadi, dalam masalah ini, saya suka menekankan supaya pihak Kerajaan meneliti dengan sesungguhnya di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang saya katakan tadi supaya dapat dikombinasikan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, saya suka mengambil perhatian ataupun membahaskan dalam masalah Kementerian Pengangkutan yang mana saya pastikan telah mendapat peruntukan sebanyak \$88,760,910 kepada beberapa tajuk yang tertentu iaitu di bawah Kementerian Pengangkutan—Jabatan Laut Semenanjung, Jabatan Laut Sabah dan Sarawak, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Penerbangan Sabah dan Sarawak, Jabatan Kajicuaca dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Saya suka mengambil dan menumpu dalam masalah Jabatan Penerbangan Awam. Di dalam Jabatan Penerbangan Awam, kita telah memastikan beberapa laporan tertentu yang telah dibuat oleh Ketua Odit Negara. Saya suka mengambil perhatian di dalam masalah Laporan Ketua Odit Negara mengenai Jabatan Penerbangan Awam 1977 yang dibentangkan di dalam Kertas Perintah 18 Tahun 1982, dikemukakan dalam Dewan Rakyat. Di dalam Laporan ini, saya pastikan beberapa banyak perkara yang telah tidak dapat diatasi oleh Jabatan ini. Satu perkara yang telah dikehendaki oleh Ketua Odit Negara sebagaimana yang telah dilaporkan di sini iaitu Kumpulan Laporan Ketua Odit Negara mengenai Kira-kira Jabatan Penerbangan Awam bagi tahun berakhir 31hb Disember, 1977. Laporan 1977 itu baru dibentangkan pada tahun 1982, bermakna sudah 5 tahun telah diberikan perbekalan untuk membangun dan mengurus maka baru tahun 1982 ini dibentangkan

untuk pengetahuan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Di dalam perkara yang tertentu ini, saya ingin menarik perhatian beberapa perkara yang telah dicatatkan di dalam Laporan Ketua Odit Negara mengenai kira-kira Jabatan Penerbangan Awam. Satu daripadanya ialah berbunyi seperti berikut:

*Kos Aset-aset Tetap (Nota 11)—
\$58,358,359*

4. Nilai Tanah-tanah yang berjumlah \$6,981,754 dan nilai Bangunan-bangunan yang berjumlah \$20,352,978 pada 1hb Januari, 1975 yang dinyatakan dalam Penyata-penyata Kewangan Tahun 1975 adalah nilai sementara sahaja. Dalam bulan Ogos 1980 bahagian Penilaian Perbendaharaan telah melaporkan bahawa nilai-nilai kedua-dua jenis aset-aset tetap tersebut pada 1hb Januari, 1975 sepatutnya sebanyak \$87,064,000 dan \$74,877,010 masing-masing. Perbezaan-perbezaan antara nilai-nilai itu tidak diperlaraskan ke dalam kira-kira tahun ini, sungguhpun Jabatan mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat pelarasan yang perlu untuk menunjukkan nilai-nilai itu dalam Penyata-penyata Kewangan sebelum ianya diserahkan untuk diodit. Sehingga ini tiada bukti yang menunjukkan bahawa Jabatan sendiri telah mengesahkan kewujudan fizikal ke atas semua aset-aset tetap yang ditunjukkan di dalam rekod-rekodnya. Jabatan ini masih belum kemukakan salinan-salinan bagi semua hakmilik tanah untuk pengesahan odit akan tetapi setelah pemeriksaan ke atas 322 hakmilik-hakmilik tanah di beberapa Pejabat Tanah kami dapati hanya 6 hakmilik sahaja didaftarkan di atas nama Pesuruhjaya Tanah dan Galian Persekutuan. Setakat itu, pemilik tanah dan nilai jumlah aset-aset tetap yang dinyatakan dalam Kunci Kira-kira masih belum dapat ditentukan lagi. Saya telah mencadangkan kepada Jabatan supaya menyelenggara

Daftar Aset-aset dalam bentuk yang kekal dan butir-butir tertentu disemak dari semasa ke semasa. Begitu juga, kenderaan-kenderaan dan lain-lain harta yang bergerak hendaklah juga direkodkan di dalam Daftar aset-aset yang sesuai dan rekod-rekod tersebut hendaklah menunjukkan susutnilai tahunan dan juga nilai bersih bagi tiap-tiap aset kepunyaan Jabatan.

Tuan Yang Dipertua, ini masalah penting yang patut kita pastikan segala-galanya berjalan dengan baik, segala-gala perbekalan ataupun pengurusan yang telah diberikan ataupun diperuntukkan supaya dipastikan dapat diaudit dari semasa ke semasa. Oleh sebab dalam masalah ini telah dinyatakan mengikut Perlembagaan negara kita yang berkehendakkan tiap-tiap ringgit dan sen wang yang dibelanjakan oleh Kementerian ataupun jabatan yang berkenaan hendaklah diaudit dari semasa ke semasa, agar tidak ada perkara-perkara yang tidak tentu hala kedudukannya yang melibatkan pembaziran wang Kerajaan yang mana kita tidak dapat pastikan. Sebagaimana yang telah diperkatakan di dalam Laporan Odit mengenai masalah pengambilan tanah untuk "Approach Lights For Runway 33"; ini juga diterangkan oleh Ketua Odit Negara sebagaimana yang telah diterangkan dalam muka surat 2 dalam perkara 10 seperti berikut:

Pengambilan Tanah untuk "Approach Lights for Runway 33"

10. Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pengambilan balik lebih kurang 16.8 ekar tanah di Mukim Damansara bagi digunakan untuk lampu-lampu pendaratan Runway 33 di Lapangan Antarabangsa Subang. Tanah tersebut telah diambil balik untuk diguna serta-merta pada 28hb Februari, 1977. Pejabat Tanah telah

menetapkan wang pampasan berjumlah \$100,800 pada 30hb November, 1977. Peraturan-peraturan yang ada sekarang mengkehendaki 75% wang pampasan dibayar kepada tuan tanah bersama-sama dengan faedah 6% dari tarikh tanah diambilbalik sehingga tarikh 75% wang pampasan itu dibayar. Baki 25% hendaklah dijelaskan dalam tempoh 6 minggu selepas tarikh wang pampasan ditetapkan. Jabatan tidak mengambil tindakan untuk membayar wang pampasan itu sungguhpun surat-surat peringatan berulang kali telah dihantar oleh Pejabat Tanah dan juga dari Kementerian berkenaan. Bayaran-bayaran wang pampasan hanya dibuat dalam bulan Februari dan April 1980 selepas pertanyaan audit. Faedah terakru berjumlah \$13,416 di atas kelewatan pembayaran hanya dibuat dalam bulan November 1980. Perbendaharaan Persekutuan telah mencadangkan tindakan surcaj terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas kelewatan dalam pembayaran itu tetapi saya tidak mengetahui sama ada sebarang tindakan tatatertib telah pun diambil.

Ini juga menunjukkan kelemahan-kelemahan yang ada kepada pegawai-pegawai tinggi yang telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan wang negara yang telah diperuntukkan, sama ada di dalam membangunkan satu-satu Jabatan/Kementerian ataupun perbelanjaan pengurusan. Saya percaya perkara-perkara ini dapat diatasi kalau adanya dedikasi yang penuh tanggungjawab yang kita mengharapakan daripada pegawai-pegawai tinggi dan kakitangan Kerajaan kita supaya dapat menyelaraskan dari segi pembangunan negara kita yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang Dipertua, kita telah menjangkau 25 tahun, satu masa yang lama yang mana kita dapat

mempastikan banyak masalah-masalah yang tertimbul dari satu masa ke satu masa. Saya berharap supaya pihak Kementerian ini dapat menjelaskan, kalau hendak saya bacakan perkara-perkara dalam laporan ini memakan masa yang panjang, jadi setakat inilah satu dua perkara yang saya titikberatkan, khususnya di dalam Jabatan Penerbangan Awam yang mana kita pastikan kerugian daripada setahun ke setahun bahkan Menteri yang berkenaan telah menyatakan dari tahun 1983 akan menimbulkan kerugian dari segi Jabatan Penerbangan Awam.

Tuan Yang Dipertua, saya suka sekarang beralih di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dalam Kementerian ini saya suka membawa di dalam perkara Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Saya datangnya dari negeri Melaka, negeri Melaka adalah satu negeri dalam Semenanjung Malaysia dan satu negeri yang bersejarah yang mula-mula dijajah pada 1511 sehingga kita mencapai kemerdekaan negara kita pada tahun 1957. Hasil negeri Melaka dari segi hasil semula jadi memang tidak ada, hendak dikatakan getah tidak sebegitu, hendak dikatakan bijih pun tidak ada, hendak dikatakan minyak pun langsung tak ada, tetapi yang ada ialah bekas-bekas penjajahan, iaitu daripada penjajahan Portugis di zaman silam kesultanan Melayu, di zaman penjajahan Portugis di zaman penjajahan Belanda, British Jepun dan zaman kemerdekaan negara kita yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan merasmikan Muzium Negara pada dua hari yang akan datang.

Apa yang hendak saya perkatakan ialah mengharapkan supaya negeri Melaka ini dijadikan satu pusat pelancongan. Dikatakan begitu oleh

sebab bahan-bahan untuk pelancong-pelancong untuk memastikan sebagaimana yang kita pastikan bahawa Malaysia tidak dikenali di luar negara kalau kita tidak katakan "Straits of Malacca" sebab Straits of Malacca memang ada di dalam map dunia dan Melaka dikenali kalau kita pergi ke luar negara kita, kalau kita tidak betul-betul menerangkan Malaysia pun mereka tidak dapat memastikan di mana kedudukan yang sebenarnya. Jadi dengan kedudukan Melaka yang sebegitu rupa, maka saya dengan penuh harapan walaupun Yang Berhormat Mulia Menteri yang berkenaan telah datang ke Melaka dalam beberapa hari yang lalu dan telah berjanji akan menempatkan satu tempat untuk Perbadanan Kemajuan Pelancongan untuk ditempatkan di negeri Melaka. Apa yang saya harap supaya pihak Yang Berhormat Mulia Menteri yang berkenaan memberikan keihisan memanjangkan peruntukan yang ada sebanyak \$18,972,000 itu diperbekalkan sekurang-kurangnya 20% daripadanya untuk permulaan untuk mempertingkatkan dari segi pembangunan pelancongan yang hendak dipusatkan di negeri Melaka. Sebagaimana yang kita tahu bahawa banyak bekas-bekas sejarah yang terdapat dalam negeri Melaka, ini membolehkan pelancong-pelancong datang ke negara Malaysia sambil melawat di seluruh negara kita dan akan memusatkan pelancongan mereka kepada negeri Melaka, iaitu negeri yang bersejarah, negeri yang tertua sekali dalam negara kita yang kita cintai.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa kita telah dapat memastikan terowong sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bahawa kita sedang mencari jalan macam mana dan berusaha supaya memastikan terowong yang ada yang telah tertutup

itu supaya digali semula, ini akan memakan belanja yang banyak. Inilah saya berharap supaya Yang Berhormat Mulia Menteri yang berkenaan yang ada di hadapan kita dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat memberikan satu pandangan yang khusus dalam masalah membangunkan pelancongan dalam negara kita ini, khususnya di negeri Melaka, negeri yang bersejarah, negeri yang tapak penjajahan telah dimulakan sejak abad ke 15 yang lalu. Inilah harapan saya supaya dapat kita memastikan segala pembangunan yang memusatkan dari segi hotel-hotel yang terbesar sekarang yang boleh dikatakan lebih kurang dalam 10 buah hotel antarabangsa yang akan disediakan di negeri Melaka sedang dalam pembangunan supaya pembangunan itu tidak sia-sia sahaja di masa-masa yang akan datang kalau tidak dapat diubahsuaikan dari segi pelancongan, khususnya di negeri Melaka.

Tuan Yang Dipertua, sekarang saya beralih kepada Kementerian Pelajaran. Dalam masalah Kementerian Pelajaran ini memanglah satu Kementerian yang berat untuk dipertanggungjawabkan mendidik anak-anak kita untuk menjadi sebagai pemimpin, sebagai warganegara yang bertanggungjawab, sebagai pemimpin negara dan pentadbir negara di masa-masa yang akan datang.

Saya memusatkan dalam masalah Kementerian Pelajaran ini ialah masalah-masalah sekolah-sekolah menengah yang ditempatkan khususnya di pendalaman. Sepertimana yang kita pastikan bahawa sekolah dibangunkan dengan sebegitu cantik, sebegitu khusus sekali tetapi malang sungguh tidak diambil kira kepada pendidik-pendidik ataupun guru-guru yang hendak ditempatkan di sekolah-sekolah pendalaman ini. Hal ini adalah satu perkara yang mustahak ataupun

maruah kepada guru-guru yang ditempatkan di sana oleh sebab tidak dapat kedudukan ataupun bangunan yang tertentu kepada guru-guru yang dipusatkan di sekolah-sekolah pendalaman sama ada di Semenanjung Malaysia ini ataupun di Sabah dan Sarawak. Ini hendaklah dipastikan supaya guru-guru yang ditempatkan di situ boleh dikatakan tidak mempunyai maruah sebagai seorang guru, tidak ada tempat. Apa yang saya pastikan bilamana ditempatkan dia terpaksa tidur di dalam bilik tandas buat sementara waktu mendapatkan rumah-rumah sewa di sekitaran sekolah itu. Ini adalah sangat anih sekali. Kalau kita hendak tempatkan guru-guru ini hendaklah kita tempatkan di tempat yang sempurna supaya dipandang tinggi oleh murid-murid di tempat itu dan dipandang tinggi oleh rakyat di sekitar sekolah itu di mana Kerajaan dapat memastikan bukan sahaja bangunan yang terindah diletakkan bahkan bangunan-bangunan untuk keselesaan guru-guru di sekolah sekolah pendalaman itu patut diwujudkan serentak dibuat secara langsung dengan pembangunan sekolah-sekolah yang diwujudkan di kawasan-kawasan pendalaman.

Tuan Yang Dipertua, inilah masalah-masalah yang saya pastikan terjejasnya kewibawaan di dalam Kementerian Pelajaran dari segi menempatkan kekhususan guru-guru yang melatih anak-anak kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ini tidak payah saya menyentuh sebab telah banyak diperkatakan. Apa yang saya hendak menyentuh ialah peruntukan dari segi perpustakaan di seluruh sekolah-sekolah di dalam negara kita ini tidak mencukupi. Saya katakan begitu oleh sebab sekarang ini sudah tidak ada lagi budak-budak pergi jual tiket

Walkathon yang mana kalau kita pandang begitu jijik sekali, tetapi syukur alhamdulillah sesudah ada arahan daripada pihak Kementerian maka anak-anak kita daripada Darjah 1 hingga 5 ini tidak ada berkeliaran di pusat-pusat bandar ataupun di kampung-kampung untuk mendapatkan sedikit sebanyak bantuan untuk menyelenggarakan perpustakaan sekolahnya.

Tuan Yang Dipertua, kalau ada pun yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah ini tidak cukup. Perpustakaan ini adalah mustahak supaya dapat anak-anak kita memastikan dari segi menambah ilmu pengetahuannya melalui perpustakaan-perpustakaan diwujudkan di sekolah-sekolah di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah pelajar-pelajar kita di luar negeri, saya sukalah menarik perhatian Kementerian ini supaya menitikberatkan dalam masalah pelajar-pelajar kita di luar negeri supaya tidak menyeleweng daripada apa yang sepatutnya mereka ini buat. Kita tidak dapat mempersalahkan mereka ini oleh sebab mereka ini muda lagi, 17-18 tahun sudah pergi ke luar negeri menuntut di sana, saya rasa tidak ada pegawai-pegawai khas, kalau ada pun sambil lalu sahaja, tidak menitikberatkan dengan sepenuhnya tanggungjawabnya. Kalau mereka ini yang ditempatkan menitikberatkan tanggungjawabnya dengan sepenuhnya, saya percaya tidak ada timbul masalah-masalah sebagaimana yang kita pastikan selama ini. Kita berharap kalau disebabkan dengan tidak sopan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak kita yang belajar di luar negeri sama ada di Eglan, London, Amerika ataupun di Jepun berkemungkinan, hendaklah kita tentukan pegawai-pegawai yang secukupnya supaya anak-anak kita ini

tahu hal ehwal dari segi agamanya, bukan secara mendalamnya bahkan panduan mereka tidak lari daripada dasar ataupun kehendak Kerajaan sebagaimana yang kita pastikan berlaku beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah Kementerian Penerangan saya suka menarik perhatian Kementerian ini dan walaupun Menteriinya datang dari Melaka, bukanlah saya berasa bangga tetapi apa yang saya pastikan dari segi Kementerian ini, walaupun ada sedikit sebanyak terjejas tetapi ada baiknya sebagaimana yang saya pastikan baru-baru ini semasa saya pergi ke Sumatra, Medan, rancangan Bimbingan Agama yang diadakan pada tiap-tiap minggu ini dapat sepenuh minat daripada saudara-saudara kita di Sumatra, memuji di dalam pelaksanaan Bimbingan Agama yang diadakan di dalam rancangan Televisyen Malaysia kita ini. Tetapi saya berharap supaya Kementerian ini memberikan sedikit masa lagi, hanya 8 minit sahaja; bila ditayangkan daripada mula sampai akhirnya telah memakan masa 3 minit, rancangan Bimbingan Agama hanya dapat 5 minit sahaja yang saya pastikan. Kalau boleh ataupun kalau dapat diusahakan untuk diberi dalam jangka 10 minit dalam rancangan Bimbingan Agama ini rasa saya adalah sangat-sangat dihargai.

Dalam masalah iklan rokok, kita ucapkan tahniah iklan rokok sudah tidak ada lagi walaupun ada orang menghisap rokok. Ini satu galakan dilatih supaya tidak menglipur lara di dalam TV menghisap rokok tetapi walaupun Kementerian ini tidak menayangkan iklan-iklan tetapi kita sangat dukacita di mana saya dapat pastikan iklan-iklan yang besar sekali ditayangkan di jalan-jalan khususnya di Wilayah Persekutuan ini, bilamana kita menghalai ke Lapangan terbang Antarabangsa. Begitu juga minuman-minuman keras. Saya percaya masalah

mendapatkan duit ini tidak berapa sangat yang kita dapat daripada iklan-iklan ini. Kalau Kerajaan berkehendakkan keseluruhannya supaya rakyat jelata ini mengurangkan daripada menghisap rokok, jauhkan daripada minuman-minuman keras, ada baiknya iklan-iklan yang bertaburan khususnya di dalam Wilayah Persekutuan ini yang menghala ke Lapangan terbang ataupun di mana-mana sahaja patutlah diberhentikan.

Lagi satu dalam masalah yang saya tertinggal tadi iaitu mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, masalah minuman keras dalam bungkus. Itu tidak patut rasa saya diadakan walaupun kita hendak mengelakkan daripada minuman haram di antara minuman samsu haram daripada peminum-peminum yang bukan keseluruhannya, tidak sepatutnya kita adakan. Ini akan menimbulkan satu masalah di mana anak-anak kita sekarang dadah susah didapati, mereka hendak menagih dadah pun, hendak jadi perompak dan banyak masalah akan timbul dan mereka ini akan berpaling pula kepada minuman keras. Saya khawatir satu ketika pula anak-anak kita ini lebih daripada 60% terlibat dengan dadah yang mereka ini akan pergi kepada minuman keras yang diberi lesen oleh Kementerian ini menjual di dalam bungkus-bungkus yang kecil.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan dan Kementerian Pengangkutan, kemudian Kementerian Kerjaraya. Yang melibatkan dalam masalah jalan-jalan khususnya jalan-jalan besar (highway). Yang saya tengok pada masa saya tegur dahulu, saya teringat ada satu soalan yang telah dikemukakan kepada Menteri yang berkenaan—cantik, bersih, setelah ditegur di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi sekarang ini ada

pun pokok-pokok yang ditanam beberapa lama dahulu itu macam hidup segan mati tak mahu, tidak dibaja, tidak dijaga, rumput boleh ditiduri oleh harimau. Ini menunjukkan di mana kewibawaan kita, di mana kepastian kita di dalam masalah ini yang mana beratus juta ringgit yang telah diperuntukkan untuk dibina highway atau jalan besar ini supaya dapat kita menunjukkan dari segi pelancongan, orang datang menunjukkan cantik jalan highway kita dari satu tempat ke satu tempat.

Saya beri kepujian daripada highway apabila masuk ke Seremban di mana kita pastikan pokok bunga yang begitu cantik, rumputnya dibela tetapi selepas itu langsung tidak ada. Saya percaya Tuan Yang Dipertua, akan pergi ke Melaka sedikit masa lagi untuk menengok pelancongan ataupun pusat-pusat terowong yang hendak digali sekarang. Tuan Yang Dipertua, akan dapat pastikan. Saya berharap untuk mencantikkan jalan-jalan highway ini supaya Kementerian yang berkenaan ini janganlah bila ditegur, baru hendak buat. Ini tidak kena. Perkara ini mestilah dijalankan sentiasa supaya dapat menghidupkan bandar-bandar kita sebagaimana yang dikehendaki oleh Perdana Menteri kita.

Saya percaya dalam masalah ini tentulah satu tempat yang khusus untuk diadakan tempat semaian, satu peruntukan yang khusus diberi dalam Kementerian ini supaya dapat menyemai anak-anak pokok supaya ditanam dan diganti bilamana pokok-pokok itu musnah ataupun rosak dan masalah rumput-rumput yang dapat dipastikan kalau Tuan Yang Dipertua tidak percaya, boleh ikut saya ke Melaka untuk memastikan benar atau tidak. Inilah perkara-perkara yang saya harap dapat diberi pandangan supaya dapat kita mencantikkan negara kita ini dari segi jalannya, dari segi hijaunya di dalam bandar-bandar kita yang kita cintai ini.

Tuan Yang Dipertua, saya menyentuh dalam masalah Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan ini juga ia hendak membaikkan orang yang berpenyakit tetapi selalunya kena hentam. Kadangkang patut juga dihentam Kementerian Kesihatan ini. Sepatutnya rakyat memandang tinggi Kementerian Kesihatan ini disebabkan tempat mereka untuk menambahkan umur mereka supaya hidup untuk memberikan kehidupan yang sempurna untuk dipertanggungjawabkan kepada keluarga mereka dan kepada bangsa dan jenerasi kita yang akan datang. Tetapi malangnya kadangkang kita tengok rasa tidak puas hati sentiasa ada. Kalau kita pergi ke Hospital Besar di mana doktor on-callnya tiada, kena tunggu. Apa yang telah berlaku, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Melaka Tengah pada awal tahun ini di mana beliau telah dimasukkan di hospital, mendapat sakit dengan sertamerta, terpaksa menunggu, kemudian hendaklah butir-butir jawatan dia dan akhir sekali dia meninggal dunia tanpa mendapat rawatan yang sempurna di Hospital Besar, Melaka.

Tuan Yang Dipertua, inilah perkara-perkara yang patut diperbaiki supaya rakyat jelata dapat memastikan bahawa prestasi atau kemantapan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dalam Kementerian Kesihatan ini dapat dipandang tinggi dan dihormati.

Selain daripada itu sebagaimana yang diperkatakan oleh rakan saya dalam perbahasan Usul Titah Diraja membangkitkan Hospital Besar yang mana Hospital Besar Melaka telah didirikan sejak tahun 1934. Tahun 1934 sudah 48 tahun, tiada pertambahan. Cuba fikirkan daripada tahun 1934 sampai hari ini tiada pertambahan yang tertentu untuk memastikan dari segi perubatan, dari segi dispensarinya dan baru-baru ini saya tengok ia ada

empat blok di sana iaitu blok A, B, C dan D. Blok C itu dipecah-pecahkan walhal blok C ini kalau hendak dibangunkan atau hendak dibaiki tidak ada gunanya, sebabnya saya tidak nampak patut dibaiki blok C ini, kalau hendak dipecahkan dinding-dindingnya, hendak diperbesarkan, hendak ditaruhkan katil, ia tidak semestinya diperbuat begitu. Saya fikir makan ratusan ribu ringgit untuk dibelanjakan dalam blok C itu sahaja. Saya tidak tahu mengapa dibuat begitu dan apa yang saya pasti banyak tempat yang boleh disesuaikan untuk menambahkan pembesaran Hospital Melaka itu dengan mengalihkan tempat-tempat attendant yang ditempatkan di sana supaya menjadi tambahan kepada Hospital Besar Melaka ini daripada dibelanjakan untuk membaiki atau mengubahsuaikan kedudukan blok yang ada di dalam Hospital Besar Negeri Melaka itu.

Tuan Yang Dipertua, inilah masalah-masalah bila hendak habis tahun maka berlari-larilah pihak-pihak atasan untuk mencukupkan perbelanjaan yang diperuntukkan itu supaya dapat diperbelanjakan walaupun tidak sepatutnya dibelanjakan.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah ini juga kita mengharapkan supaya dalam pemerintahan 2M ini prestasi daripada Pegawai Kerajaan dapat dipertingkatkan dan dasar "Pandang ke Timur" sebagaimana yang kita pastikan ini dapat diusahakan dengan begitu gigihnya supaya dapat kita mengharumkan, bukan sahaja dari segi kedudukan politik negara kita yang begitu baik, dan ekonomi yang stabil bahkan dari segi pentadbiran dapat kita mengatasi dari segi segala masalah.

Tuan Yang Dipertua, setakat inilah sahaja pandangan-pandangan yang ikhlas daripada saya untuk

mempastikan supaya dapat diatasi. Dengan ini saya menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1983.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Salleh.

4.20 ptg.

Tuan Ibrahim bin Salleh: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong dalam pembentangan Belanjawan 1983.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan kerana membentangkan satu belanjawan yang telah diterima dengan baik oleh seluruh lapisan dan golongan rakyat dengan cadangan-cadangan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, membendung inflasi dan menolong golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang difikirkan perlu mendapat perhatian daripada Kerajaan dan juga difikirkan perlu untuk kebaikan negara ini. Saya ingin membangkitkan masalah perumahan yang masih lagi dihadapi oleh rakyat di negara ini khususnya rakyat yang berpendapatan rendah. Adalah diharapkan supaya Kerajaan dapat mengambil tindakan yang positif untuk membasmi segera masalah ini. Kerajaan juga hendaklah memperbanyakkan rancangan-rancangan perumahan kos rendah, ini sedikit sebanyak dapat memenuhi hasrat Kerajaan supaya sebuah keluarga mempunyai sebuah rumah yang sesuai.

Dalam perkara ini saya berharap semoga Kerajaan dapat mengawal atau mengawasi harga-harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju pe-

rumahan swasta supaya rakyat yang berpendapatan rendah juga mampu untuk membeli sebuah rumah sesuai dengan kemampuan mereka.

Tuan Yang Dipertua, malangnya pada hari ini masih lagi kita dengar dan kerap pula disuarakan oleh pemimpin-pemimpin yang bukan daripada pemimpin-pemimpin komponen parti pemerintah. Masalah yang lebih giat lagi mengatur strategi menggunakan berbagai helah dan fahaman meracuni pemikiran rakyat supaya rakyat yang bersatu-padu dan damai ini berpecah-belah. Ini pada pendapat saya tidak seharusnya berlaku. Apa yang menjadi persoalan kepada saya pada hari ini adalah motif mereka untuk memerintah. Peluang telah diberikan dan rakyat telah pun menjawab melalui pilihanraya yang lepas. Adakah mereka ini bersengaja ataupun menjadi orang upahan? Jika benar mereka-mereka ini menjadi orang upahan, siapa yang mengupah mereka? Kerajaan hendaklah menyelidik dengan lebih rapi setiap aktiviti mereka ini dan jika benar tanggapan ini mereka ini orang upahan, tindakan tegas perlu diambil kerana mereka-mereka bukan rakyat yang taat setia, rakyat Malaysia yang taat setia tidak sanggup dirinya dijadikan orang upahan untuk memenuhi hasrat orang lain kerana rakyat Malaysia ada maruah dan ada pendirian. Kerajaan mesti mengesan negara mana mengupah mereka. Mereka ini patutlah dihantar ke negara-negara yang tersebut kerana negara tersebut memang berkehendakkan tenaga mahir seperti mereka-mereka ini.

Tuan Yang Dipertua, apakala saya menyebut perkataan produktif terbayang di mata saya bahawa rakyat kita di luar bandar banyak persoalan yang timbul yang menjadi penghalang kenapa dan mengapa terutamanya rakyat yang tinggal di kampung-kampung tradisional menjadi kurang

produktif. Pertama, masalah keluasan tanah iaitu keluasan tanah yang mereka miliki tidak lagi produktif. Tanah-tanah yang mereka miliki adalah tanah-tanah pusaka yang dimiliki oleh ramai pemilik. Pernah saya menemui sebidang tanah seluas tiga ekar dimiliki oleh 10 orang pemilik dan ada pula di antaranya cuma memiliki seluas 1/72 bahagian daripada keluasan tanah yang tersebut itu. Tuan Yang Dipertua bayangkanlah betapa luasnya tanah seluas 1/72 bahagian itu, inilah masalah yang sebenarnya yang perlu diatasi segera. Dengan ini saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu badan Task Force yang ahli-ahlinya terdiri daripada pakar-pakar ekonomi, alim-ulamak, ahli-ahli undang-undang yang berfikir perlu khusus untuk mengkaji dan merumuskan formula dan seterusnya membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah ini. Sebidang tanah yang harus dimiliki oleh seorang pemilik sahaja dan saya percaya pemilik tersebut akan lebih yakin dan senang untuk mengusahakan tanah yang dimilikinya.

Kedua, sepertimana yang kita sedia maklum bahawa rakyat luar bandar memang mengetahui pekerjaan mereka iaitu petani pandai bercucuk tanam. Apa yang menjadi masalah di sini adalah berhubung dengan pengkhususan. Sebagai contoh saya ambil seorang pemilik tanah yang memiliki sebidang tanah juga luasnya tiga ekar. Jika diukur dengan keluasan tanah ini jika pemilik tersebut menjalankan pengkhususan kepada satu jenis tanaman, saya percaya mendapatkan hasil yang menjamin tetapi malangnya terutamanya di kampung-kampung tradisional tanaman yang di tanam banyak jenis, semua ruangan ditanam tetapi hanya untuk memenuhi selera dan kehendak pemilik tersebut. Kadangkala hanya ditanam untuk keperluan harian

sahaja. Ini adalah sikap mereka, akibatnya tanah tersebut tidak produktif.

Tuan Yang Dipertua, ini juga adalah masalah. Sikap ini perlu diperbetulkan. Saya mencadangkan kepada Kerajaan melalui Kementerian Pertanian perlu mengkaji aspek ini. Kementerian Pertanian hendaklah memperbanyakkan Pegawai-pegawai Pengembangan yang sanggup dan berkebolehan membimbing mereka-mereka ini. Pemikiran serta teknik pertanian yang betul lagi menguntungkan perlu disampaikan kepada mereka. Di samping itu Kementerian Pertanian juga perlu mengkaji selidik tanah-tanah yang ada supaya ianya sesuai dengan tanaman yang perlu diusahakan. Saya percaya jika ini dapat dilakukan bukan sahaja pemilik tanah bersikap produktif tetapi juga tanah yang diusahakan bertambah produktif.

Tuan Yang Dipertua, telah banyak kita dengar dan tidak kurang pula telah kita hadapi terutamanya rakyat di luar bandar adalah kesan kemelesetan ekonomi. Kerajaan telah mengambil langkah yang bijak dengan hanya melaksanakan projek-projek pembangunan yang benar-benar perlu dan mendatangkan kemakmuran kepada rakyat dan negara sahaja. Saya percaya Kerajaan telah mengkaji dan ada pula yang sedang dikaji pemilihan kepada projek hendaklah dibuat dengan adil dan saksama.

Saya berharap bagi Kerajaan supaya pembangunan rakyat luar bandar hendaklah diberi keutamaan. Di dalam rancangan ini kemungkinan pakar-pakar perunding di bawa bersama. Saya percaya biasanya bayaran kepada pakar-pakar ini dibuat berasaskan kepada kos-kos projek yang perlu dilaksanakan. Di dalam aspek ini Kerajaan perlu menghadkan bilangan projek yang memerlukan kepakaran kerana kebanyakan pakar perunding biasanya memandang dari sudut

perniagaan. Kos-kos adalah matlamat mereka. Lagi mahal projek dicadangkan lagi banyak imbuhan yang mereka akan terima. Kerajaan perlu memandang dan bersikap mempunyai keyakinan kepada kebolehan serta tenaga pegawai-pegawai yang ada. Pencapaian tahap pembangunan yang telah kita capai adalah hasil daripada kebolehan dan sikap dedikasi mereka, Kerajaan perlu memberi tugas yang lebih mencabar kepada mereka. Mereka yang berkebolehan dan berpengalaman perlu diketengahkan. Ini adalah satu daya dorongan yang boleh mengubah sikap untuk berusaha lagi bertanggungjawab. Pencapaian kemajuan dibuat harus dijadikan asas utama pemilihan kenaikan pangkat.

(Timbalan Yang Dipertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Kemungkinan juga tugas yang ada kaitan terhad, jika berlaku seharusnya Kerajaan memandang kepada sumber pakar yang ada di institusi pengajian tinggi di tanahair kita. Mereka ini boleh dibawa bersama untuk menampung kekurangan dengan cara projek tersebut dijadikan projek kaji kes ataupun sebagai latihan kepada mahasiswa kita.

Khusus mahu pun hasil daripada usaha ini setelah disemak dan diperbetulkan oleh Dekan Fakulti yang terlibat boleh dijadikan asas pelancaran projek terlibat di dalam aspek tenaga perancang di dalam jabatan yang terlibat dapat diringankan, hanya tenaga pelaksanaan dan penyeliaan sahaja yang diperlukan. Di samping dapat mengatasi kekurangan tenaga perancang ini juga dapat membawa dan mendekatkan pusat pengajian tinggi kita dengan lebih dekat. Kepada apa yang kita hadapi dan perlukan saya percaya dan yakin hasilnya kurang baiknya dengan apa yang dihasilkan oleh pakar-pakar perunding yang dibayar itu.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh pula berhubung dengan etika kerja, saya menyokong penuh usaha Yang Amat Berhormat 'Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita membawa caras baharu dan pendekatan baharu dalam pengurusan di negara kita. Mudah-mudahan usaha ini dapat menghasilkan dan mencapai matlamat negara dengan lebih cepat lagi. Di dalam usaha Kerajaan mempercepatkan etika kerja ini satu langkah yang positif ke arah berkesan perlulah diambil. Sebuah Jabatan Kerajaan perlu dijadikan contoh dan tumpuan dalam tahun 1983 hadapan ini di mana pendekatan baharu dalam kaedah-kaedah pengurusan baharu ini ditekankan. Saya percaya cadangan ini diterima iaitu supaya Jabatan Kerjaraya dijadikan pilihan sebagai contoh.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan menyokong penuh Anggaran Belanjawan tahun 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada petang semalam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tan Sri Sinnadurai hendak bercakap?

Tan Sri Datuk (Dr) C. Sinnadurai: Tidak.

Timbalan Yang Dipertua: Saya jemput Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon.

4.33 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang Dipertua, saya berdiri menyokong usul yang dibawa oleh Menteri Kewangan, pada petang semalam.

Di sini saya sukalah menyentuh iaitu Kepala Pembangunan 20 Kementerian Pertanian bagi tahun 1983 menguntukkan banyak peruntukan-peruntukan kepada badan-badan berkanun seperti MARDI \$6,988,000, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia \$18,100,000, Lembaga Pertubuhan Peladang \$35,531,800 dan lain-lain lagi dengan tujuan hendak menggalakkan dan melatih bumiputera dalam berbagai-bagai bidang perusahaan khususnya dalam usaha-usaha pertanian bagi membolehkan hasil-hasil pertanian itu dipasarkan kepada umum. Sungguhpun demikian, adalah didapati bahawa hasil daripada perusahaan-perusahaan itu masih berkurangan untuk dijual di pasar-pasar. Oleh hal yang demikian, badan-badan berkanun seperti Lembaga Pertubuhan Peladang yang mempunyai anak-anak syarikat atas nama Persatuan Peladang di seluruh negeri Semenanjung Malaysia hendaklah mengambil peranan yang berkesan bagi menjayakan usaha-usaha pertanian seperti membanyakkan tanaman pisang, betik, sayur-sayuran dan buah-buahan dan lain-lain yang sentiasa digunakan oleh orang ramai untuk dijual tiap-tiap hari dan begitu juga ternakan dan sebagainya untuk mencapai tujuan yang matlamat. Sebaliknya saya difahamkan bahawa Persatuan-persatuan Peladang ini dapat bercergas memasuki sebagai pemborong bekalan makanan mentah ke sekolah-sekolah dan lain-lain institusi-institusi Kerajaan. Bekalan makanan seumpama ini pada hemat saya patut diberi galakan dan peluang kepada pemborong-pemborong bumiputera di negeri-negeri yang berkenaan sahaja, kerana dengan berbuat demikian, nikmat kemerdekaan itu akan dapat dikecap oleh orang ramai.

Saya tahu, Tuan Yang Dipertua, Persatuan Peladang ini telah memasuki tender-tender boleh dikatakan di

seluruh negeri Pahang tetapi malangnya agennya bukan orang bumiputera. Inilah pandangan saya kepada Kerajaan semoga dapat perhatian pihak Kementerian yang berkenaan supaya badan-badan yang diberikan itu dapat mengecap nikmatnya bagi masa akan datang. Banyak peruntukan telah diperuntukkan kepada badan-badan ini tetapi malangnya badan-badan ini telah menjalankan perusahaan yang lain daripada kehendak-kehendak Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya pergi kepada pembangunan di bawah Kementerian Pelajaran. Saya mohon izin untuk mendapat sedikit penjelasan mengenai dengan Butiran 10—Pejabat-pejabat Pelajaran di Negeri-negeri dari Kementerian Pelajaran terutama mengenai Ibu pejabat Pelajaran Negeri di Kuantan, Pahang yang mana pada masa ini telah dipindaahkan ke sebuah sekolah di Alor Akar, Kuantan lebih kurang 3 batu jauh dan kedudukan terpencil daripada pusat pentadbiran Kerajaan Negeri. Saya telah difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran akan membina bangunan Ibu pejabat Pelajaran Negeri di Kuantan, Pahang tetapi mengikut anggaran perbelanjaan bagi tahun 1983 di atas tajuk Pembangunan 27, Kementerian Pelajaran, Butiran 10—Pejabat-pejabat Pelajaran di Negeri-negeri adalah didapati tiada peruntukan ditunjukkan di bawah butiran tersebut bagi binaan bangunan Ibu pejabat Pelajaran Negeri itu. Oleh hal yang demikian, saya ingin mendapat tahu adakah bangunan itu akan mula dibina dalam tahun 1983 dan berapakah peruntukannya.

Tuan Yang Dipertua, sekolah digunakan untuk Ibu pejabat Pelajaran Negeri Pahang pada masa ini pada hemat saya tidak begitu selesa bagi

pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang menjalankan tugas-tugas harian mereka kerana bangunan itu tiada alat-alat hawa dingin dan juga jauh daripada pusat pentadbiran Kerajaan di Negeri Pahang. Di sini saya sukalah juga memberi tahu pejabat iniuduknya di sekeliling rumah-rumah orang awam. Sebelum itu pentadbiran atau pegawai-pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Pelajaran Negeri Pahang telah ditempatkan di sebuah bangunan 7 tingkat iaitu Wisma Seri Pahang yang dilengkapi dengan alat-alat hawa dingin dan sebagainya. Oleh yang demikian, Ibu Pejabat baharu bagi Pejabat Pelajaran Negeri Pahang hendaklah dibina segera untuk menyesuaikan kedudukan tempat bekerja bagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Jabatan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya juga telah diminta oleh Persatuan PIGB Sekolah MGS dan St. Thomas di Kuantan iaitu baharu-baharu ini terdapat lebih 50% murid-murid yang ada di sekolah rendah MSG dan St. Thomas ini telah dihantar ke sekolah-sekolah yang lain daripada situ sungguhpun MGS dan St. Thomas ada mempunyai sekolah menengah. Ini menghairankan ibubapa dan ibubapa merasa dukacita kerana anak-anaknya tidak ditempatkan daripada sekolah MGS rendah kepada MGS menengah. Tuan Yang Dipertua, satu daripada sebabnya yang saya rasa tidak lain dan tidak bukan antara dua sekolah ini yang saya tahu adalah guru-guru dan murid-muridnya berlainan dengan murid-murid sekolah-sekolah lain kerana ramai di antara guru-guru daripada dua sekolah ini adalah terdiri daripada wanita-wanita dan mungkin guru-guru wanita ini mengambil berat terhadap murid-muridnya dan keputusan peperiksaan pun ada memuaskan dan ibubapa-ibubapa berebut-rebut menghantar anak-anaknya untuk memasuki sekolah ini di peringkat sekolah rendah. Rasa saya perkara seumpama ini tidaklah berlaku

sekiranya murid itu datang daripada Sekolah Rendah MGS, jadi ibubapa-ibubapa berharap supaya anak itu dimasukkan ke sekolah yang sama juga di tingkatan menengah.

Tuan Yang Dipertua, saya inginlah menyentuh berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam. Semenjak agensi-agensi Kerajaan seperti perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia, kita dapati Lembaga-lembaga Perbadanan tersebut telah membina berbagai-bagai jenis perumahan daripada peruntukan pinjaman wang Kerajaan Pusat untuk dijual kepada orang-orang awam bagi kediaman mereka itu dan juga binaan rumah-rumah kedai untuk perniagaan yang dijual khasnya kepada bumiputera.

Peruntukan pinjaman wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi tahun 1983 hanyalah berjumlah \$130,677,000 berbanding dengan \$243,000,000 sahaja bagi tahun 1982. Ini bermakna kurang. Dengan itu kita dapati bahawa peruntukan pinjaman kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri di Semenanjung Malaysia adalah berkurangan.

Adalah juga diperhatikan bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri terutama di Pahang telah banyak menyiapkan tapak-tapak perumahan bagi negeri itu. Saya berharap dapatlah juga kiranya Kementerian Perusahaan Awam menimbang dan meluluskan peruntukan yang cukup kepada negeri Pahang itu bagi menjalankan projek-projek yang telah dirancang oleh Lembaga-lembaga Negeri Pahang itu.

Sebagaimana kita telah ketahui bahawa rumah-rumah yang dibina oleh Lembaga Kemajuan Negeri itu apabila siap telah dijual dengan larisnya. Dari apa yang saya telah difahamkan

bahawa kadangkala Lembaga Kemajuan Negeri mengalami kelambatan untuk mendapatkan surat Sijil Layak Menduduki Rumah (Fitness Certificate of Occupation) rumah-rumah itu daripada Majlis Bandaran dan lain-lain pihak yang berkenaan. Dengan kelambatan mendapatkan sijil-sijil itu maka lambatlah pula pihak-pihak yang membeli kedai-kedai itu hendak memasuki rumah-rumahnya. Kelambatan yang seumpama itu tidak sepatutnya dialami. Sukalah saya mengesyorkan supaya Kementerian Perusahaan Awam mengurus dan menyasat jika perkara-perkara yang berbangkit berlaku bagi membolehkan pembeli-pembeli rumah itu masuk tinggal dengan secepat mungkin yang boleh.

Saya juga telah difahamkan bahawa pemborong-pemborong binaan perumahan-perumahan Perbadanan Kemajuan Negeri pada saat-saat yang akhir ini telah mengalami lambat mendapat tuntutan-tuntutan bayaran kemajuan (progress payment) dan apabila tuntutan itu lambat dibayar, maka ini akan merumitkan pemborong-pemborong yang menjalankan kerja-kerja binaan perumahan itu.

Selain daripada itu, pemborong-pemborong juga biasanya mendapatkan pinjaman wang bank dan kemudahan overdraft daripada bank-bank yang berkenaan bagi menjalankan kerja-kerja binaan itu. Pemborong-pemborong itu telah dikenakan bayaran faedah pinjaman di antara 12½% hingga 14%. Perkara yang seumpama itu bukan sahaja merugikan pendapatan pemborong-pemborong, pemborong-pemborong itu juga menjalankan kerja yang diikatjanjikan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Perkara yang sedemikian bukan sahaja berlaku kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri tetapi saya juga

diberitahu bahawa tuntutan bayaran kemajuan kepada pemborong-pemborong Jabatan Kerjaraya dan lain-lain Jabatan Kerajaan juga lambat mendapat bayaran kemajuan yang mereka tuntutan. Sebagai menjaga imej dan nama baik Kerajaan yang kita dokong dan dikasihi, sukacita saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya supaya pihak Kerajaan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi perkara-perkara yang berbangkit di masa-masa yang akan datang jika sekiranya berlaku.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Jabatan Orang Asli. Di sini juga kami telah diminta untuk membawa pandangan ini dan juga perhatian kepada Kementerian yang berkenaan. Orang-orang Asli telah diberi kad pengenalan warna biru dengan menggunakan nama orang-orang Islam tetapi mereka bukan orang Islam. Bila timbul satu-satu perkara sangat sukar untuk kita hendak mengenalkan sama ada dia itu orang Islam atau tidak. Ada pertubuhan iaitu PERKIM mencadangkan supaya Kerajaan memikirkan apakah caranya ataupun apakah tanda yang kita boleh beri kepada mereka sebagai kad pengenalan juga tetapi tidaklah menggunakan kad pengenalan orang ramai, diadakan satu jenis kad pengenalan yang khas.

Kedua, mengenai Orang Asli juga, saya berasa sangat dukacita dan saya berharap Jabatan Orang Asli ini mengambil berat juga terhadap mereka kerana mereka itu tidak begitu faham sama ada apabila mereka pergi ke pejabat hendak menuntut satu-satu perkara ataupun pergi ke hospital. Misalnya baru-baru ini berlaku seorang Orang Asli datang daripada Rompin untuk membawa isterinya yang hendak bersalin di hospital. Oleh sebab satu-satu perkara

yang tidak dapat dielakkan, isterinya itu telah dibedah untuk melahirkan anaknya. Maka Orang Asli ini tidak diberitahu oleh pegawai hospital mengatakan isterinya itu sudah dibedah dan selamat. Maka apabila saya sampai di situ saya dapati dia masih lagi duduk, dua hari saya pergi berturut-turut ke hospital untuk melawat saudara saya, apabila saya bertanya mengapa tuan ini sudah dua hari saya jumpa berdiri di sini. Jawabnya, menunggu isterinya bersalin. Saya pun jawab mengatakan semalam sudah dibedah dan telah selamat. Dia terkejut Tuan Yang Dipertua. Jadi, saya rasa Jabatan Orang Asli hendaklah mengambil berat kepada mereka sekalian. Kasihan, dengan tidak makan minum, duduk menunggukan berita, seorang pun tidak ada yang memberitahu kepada dia. Nampaknya mereka ketinggalan.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, saya sukalah menyentuh berkenaan dengan tanah. Negeri Pahang saya rasa masyhur dengan besarnya dan hutannya pun begitu juga besarnya, dengan lebarnya hutan tadi maka ramailah peserta-peserta berhijrah ke negeri Pahang dan menduduki tanah dengan secara haram dengan sewenang-wenangnya. Sungguhpun Pejabat Tanah telah mengambil berat berkenaan hal ini tetapi masih saya dapati perkara ini tidak dapat diatasi dan saya harap supaya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dapat mencari jalan bagaimana untuk mengatasi tanah-tanah haram ini semakin hari semakin jadi, Tuan Yang Dipertua. Perkara ini telah pun diadakan kepada Tuan Pegawai Daerah tetapi hasilnya tidak ada. Jawapannya kononnya pilihanraya hampir, saya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan.

Tuan Yang Dipertua, selepas pilihanraya silalah ambil tindakan dan saya musykil orang-orang yang duduk

di tanah haram ini bukanlah anak Pahang bahkan orang daripada luar negeri datang berhijrah ke tempat kita dan duduk di atas tanah itu mengambil seluas sesuka hati berapa luasnya dia hendak, dipagarnya, ditanamnya tetapi tidak ada siapa mengambil perhatian. Inilah kemusykilan saya dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Menteri Kewangan pada hari semalam. Sekian, terima kasih.

4.50 ptg.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya, saya mengalu-alukan dengan sukacitanya langkah-langkah dan cadangan-cadangan di dalam belanjawan ini. Saya hanya merujuk kepada tiga aspek ekonomi kita dan pendapatan negara yang kurang memuaskan iaitu keperluan satu suasana liberal di bidang ekonomi untuk membolehkan sektor swasta mengambil peranan yang lebih baik dalam usaha membina negara dan kedua masalah ekonomi kaum India di Malaysia dan ketiga keperluan kewujudan Dewan Negara dan peranannya.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa beliau mempunyai kepercayaan di atas kebolehan rakyat kita untuk mengadakan innovation serta "inventiveness" ataupun kebolehan kita merintis jalan baru dan memikirkan perkara-perkara baru.

Saya percaya kita semua juga mempunyai kepercayaan yang sama. Negara kita adalah merupakan pengasas sistem ekonomi free enterprise berdasarkan satu rangka sistem demokratik yang bebas. Untuk menentukan ekonomi dan mutu kehidupan rakyat kita dipertingkatkan, kita perlulah

berwaspada untuk mempertahankan prinsip-prinsip sistem free enterprise dan demokratik kita.

Kerajaan kita perlulah sedia menghadapi ujian-ujian demokrasi seperti apabila diadakan pilihanraya serta apabila sedia menghadapi kritik-kritik. Dalam konteks ini saya sukacita sekali dapat tahu bahawa pentadbiran 2M telah pun mengamalkan satu dasar yang liberal. Dalam suasana liberal dalam bidang ekonomi dan politik fikiran anak-anak kita boleh berkembang secara bebas serta mempunyai satu bentuk yang pada akhirnya dapat memandu Malaysia di masa hadapan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di atas penerimaan dasar liberal ini. Tidak ada sesuatu Kerajaan yang boleh menjadi liberal tanpa dua syarat.

Syarat yang pertama ialah rakyat mestilah matang dan cukup rasional untuk mereka menggunakan kebebasan mereka dengan baik. Syarat yang kedua ialah pemimpin atasan dalam Kerajaan mestilah memperolehi keyakinan diri, kekuatan intelek dan kejujuran untuk menghadapi dan menerima teguran yang rasional.

Kedua-dua syarat ini kini wujud. Rakyat mempunyai kematangan dan rasionaliti. Kerajaan 2M sudahpun memperlihatkan kekuatan intelek dan kejujurannya. Ini adalah satu perkembangan yang boleh dibanggakan dalam sejarah negara kita. Saya sebagai seorang yang datang dari Generasi merdeka, merasa sungguh bangga sekali.

Pengumuman Kerajaan atas sikap liberalnya adalah suatu pengisytiharan kemerdekaan baru negara kita. Pada tahun 1957 Kerajaan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah memberikan kemerdekaan politik pada negara kita. Pada hari ini Kerajaan 2M sedang memberi

kemerdekaan intelek dan rohani kepada rakyatnya.

Kawalan ketat Kerajaan yang telah difikirkan perlulah pada suatu masa lepas, kini telah dilonggarkan. Suatu contoh yang baik ialah pindaan kepada Akta Pertubuhan. Saya ingin mencadangkan dasar liberal ini digunakan dalam bidang-bidang seperti berikut:

- (1) kebebasan demonstrasi;
- (2) kebebasan akhbar; dan
- (3) kebebasan perniagaan;

Untuk membuktikan dasar liberal Kerajaan dalam bidang sosial dan ekonomi. Yang pertama, kebebasan untuk mengadakan demonstrasi umum. Kerajaan kita tidak sama sekali mencegah diadakan demonstrasi umum. Ia mengadakan kawalan dengan mensyaratkan supaya suatu permit polis diadakan, tetapi kadangkala keadaan yang tertentu menyulitkan untuk mendapatkan permit polis.

Kedua-dua demonstrasi baru-baru ini boleh dijadikan contoh. Satu demonstrasi telah diadakan oleh UMNO, MCA dan MIC iaitu oleh pemuda-pemuda dan pengikut-pengikut parti-parti ini terhadap setengah peguam asing. Satu lagi ialah demonstrasi oleh sekumpulan peguam di luar Bangunan Parlimen. Kedua-dua kumpulan ini yang telah menunjuk perasaan kini sedang didakwa di mahkamah. Saya tidak ingin membincangkan kes-kes ini kerana ini menjadi subjudice. Tetapi perlulah kita menimbang sama ada penunjuk perasaan ini mesti didakwa.

Kedua-dua kes ini khususnya dalam kes melibatkan peguam, tindakan mereka adalah spontan dengan tidak ada masa untuk mendapatkan permit polis. Penunjuk perasaan ini telah menunjuk perasaan secara aman.

Dalam kes-kes demonstrasi seperti ini saya suka mencadangkan supaya Polis dan Peguam Negara menunjukkan suatu sikap yang liberal selagi sesiapa pun tidak tercedera atau terhalang dan demonstrasi itu cuma menyatakan pandangan mereka.

Tuan Yang Dipertua, Peguam Negara mestilah menimbang semua faktor-faktor sebelum mendakwa mereka di mahkamah. Semua kejadian jenayah tidak harus didakwa. Ada setengah perbuatan yang sungguhpun menjadi haram secara teknikal, tetapi tidak ada kesan kriminal sebenarnya. Keputusan Peguam Negara untuk mendakwa adalah suatu keputusan yang sukar sekali. Dengan segala hormatnya kepadanya, saya mencadangkan bahawa beliau mengambil keputusan sewajar dengan fikiran yang liberal.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan kita mempunyai rekod yang baik berhubung dengan akhbar, tetapi ini tidak mencukupi. Kita perlulah mendesak akhbar membuat penyiasatan secara berani dan bebas untuk mencari kelemahan atau kesalahan Kerajaan dan menyiarkannya secara bebas.

Ini adalah penting untuk perjalanan sistem demokratik dengan baik sekali. Pihak akhbar boleh dan perlu memberikan sumbangan yang bermakna terhadap pembinaan ekonomi dan negara kita.

Kerajaan kita telah memberi jaminan bahawa kebebasan akhbar akan dihormati. Sebenarnya, Perdana Menteri dalam satu temuramah baru-baru ini telah pun mengalu-alukan teguran-teguran dari akhbar tentang pentadbiran yang rosak. Bagaimanapun, semua akhbar adalah dihalang serba-sedikit dengan adanya kuasa luas di tangan Kerajaan untuk membatalkan lesen.

Saya tidak menyatakan kita tidak perlu ada licensing. Undang-undang berhubung dengan pembatalan lesen haruslah dipinda. Sebab-sebab lesen sesuatu akhbar dibatalkan mestilah jelas dan nyata. Tambahan sesuatu pembatalan mestilah tertakluk kepada penelitian perundangan. Keputusan untuk membatalkan mestilah merupakan keputusan suatu tribunal bebas yang terdiri daripada hakim-hakim mahkamah tinggi.

Tuan Yang Dipertua, kebebasan yang suatu lagi dan lebih penting dari sudut ekonomi negara ialah kebebasan perniagaan dan perusahaan swasta. Ekonomi kita adalah ekonomi bebas yang berasaskan kepada perusahaan bebas.

Ini adalah kekuatan dan ketahanan kita. Kita perlulah memelihara kebebasan ini. Ini akan membolehkan ekonomi kita mendapatkan suatu tempat yang boleh dibanggakan dalam dunia ini. Ini akan juga menggalakkan inisiatif, percubaan baru dan dynamism.

Bagaimanapun saya diberitahu bahawa ada ura-ura untuk mengadakan sekatan. Saya difahamkan ada cadangan-cadangan untuk meminda Akta Syarikat. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini bertujuan memberikan kuasa yang luas dan persendirian kepada Pendaftar Syarikat. Saya percaya pindaan-pindaan ini dicadangkan dengan tujuan menjaga kepentingan rakyat. Bagaimanapun, saya merayu suatu kajian yang mendalam dibuat tentang apakah kepentingan awam sebanarnya. Adalah tidak menjadi selaras dengan kepentingan awam untuk memperkenalkan sekatan-sekatan di atas syarikat dan memberi kuasa kepada pendaftar untuk bercampur tangan dalam hal-hal syarikat individu. Dalam dunia perdagangan syarikat memerlukan kebebasan untuk bergerak secara

persendirian. Syarikat-syarikat ini mungkin merancang untuk mengadakan strategi yang sungguhpun tidak melanggar undang-undang tetapi tidak suka diganggu dari luar.

Pada umumnya syarikat-syarikat di negara kita adalah dalam peringkat perkembangan. Tidak perlu syarikat-syarikat ini dikawal dengan sekatan Undang-undang Syarikat yang sophisticated dan halus sekali.

Tuan Yang Dipertua, saya sekarang beralih kepada satu aspek lain dalam ucapan Budget oleh Menteri Kewangan. Beliau berkata Kerajaan sedang giat menggalakkan sektor swasta untuk menubuhkan syarikat-syarikat niaga mengikut bentuk Jepun, iaitu "Sogoshosha". Ini merupakan satu lagi aspek di mana dasar memandang ke Timur diamalkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, sementara kita mengkaji sistem-sistem Jepun dan Korea, biarlah kita juga mengambil kira masalah-masalah ekonomi dan sosial yang kita hadapi tetapi tidak dihadapi oleh mereka. Kejayaan Jepun adalah disebabkan di atas penggunaan satu konsep yang bercorak keluarga meliputi semua aspek masyarakat dan ekonomi. Mereka bergerak dalam semangat kekeluargaan, sama ada dalam perdagangan ataupun pentadbiran negara. Kita perlu sedar konsep ini tidak sulit dijalankan untuk orang-orang Jepun kerana mereka terdiri daripada satu kaum, satu bahasa dan kebudayaan. Penduduk-penduduk mereka adalah "homogeneous". Masyarakat kita adalah berbilang bangsa, berbilang kebudayaan dan berbilang agama. Untuk kita mencontohi orang-orang Jepun, kita mestilah mengasaskan rasa persaudaraan di kalangan semua kaum dan peluang yang sama secepat mungkin. Semangat kekeluargaan tak

boleh dicapai jika sekiranya anggota-anggota keluarga terletak dalam kedudukan yang tidak seimbang.

Tuan Yang Dipertua, di antara tiga saudara di negara kita, saudara kaum India adalah yang paling ketinggalan ke belakang. Belanjawan ini tidak mencerminkan bahawa sesuatu pertimbangan pun telah diberikan untuk masyarakat India yang ketinggalan.

Dalam semangat bercakap kepada saudara-saudara saya di Dewan yang mulia ini saya ingin menyentuh serba sedikit tentang masalah-masalah ekonomi kaum India yang harus merupakan masalah-masalah ekonomi Malaysia.

Dalam bidang pelajaran, kaum India menghadapi kadar keciciran yang tinggi sekali. Ini bermakna setiap tahun beribu-ribu pelajar-pelajar dari kaum India tercicir dari sistem sekolah dengan tidak mempunyai masa depan yang baik. Pelajar-pelajar kaum India ini ditakdirkan merasai kesusahan oleh kerana mereka telah tercuai. Satu semangat Malaysia adalah perlu untuk menyelamatkan anak-anak ini. Janganlah kita anggap mereka sebagai anak-anak kaum India Malaysia, marilah kita anggap mereka sebagai anak-anak dalam keluaran Malaysia.

Dalam semua aspek pelajaran, kedudukan pelajar-pelajar India adalah menakutkan. Di peringkat HSC pelajar India cuma sebanyak 5%. Di peringkat universiti 6%.

Dalam bidang pekerjaan juga kaum India mempunyai kadar pengangguran yang paling tinggi sekali. Tambahan mereka yang bekerja adalah kebanyakannya sebagai buruh dan memegang jawatan-jawatan yang lebih rendah.

Dalam bidang pemilikan kekayaan negara, kaum India mempunyai satu kadar yang paling rendah, iaitu 1%.

Tuan Yang Dipertua, kadar kemiskinan di kalangan kaum India, terutamanya di kalangan pekerja-pekerja ladang adalah tinggi sekali. Rancangan Malaysia Yang Ketiga menyatakan seramai 39% dari keluarga India adalah di dalam lingkungan kumpulan miskin di ladang-ladang. Ini adalah bila harga getah menjadi tinggi. Sekarang kedudukannya sudah menjadi lebih buruk lagi. Pekerja-pekerja ladang kini menghadapi masalah rumah yang kurang baik keadaannya, masalah-masalah peralatan, kecuai-an anak-anak dalam pelajaran dan kekurangan kemudahan-kemudahan rekreasi. Kerajaan juga telah sedar kaum India Malaysia adalah dalam suatu kedudukan lemah dan tidak seimbang. Tetapi apakah tindakan-tindakan yang harus diambil oleh Kerajaan? Kerajaan mestilah bertindak segera untuk membantu kaum India Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin mengemukakan bidang di mana Kerajaan boleh membantu mereka. Dalam bidang pelajaran langkah-langkah segera mestilah diambil untuk memberikan kemudahan kepada sekolah-sekolah Tamil, terutamanya sekolah-sekolah yang berada di ladang dan di luar bandar. Sekurang-kurangnya 10% dari tempat-tempat di sekolah-sekolah yang berasrama penuh mestilah dikhaskan untuk pelajar-pelajar India dari ladang-ladang dan luar bandar. Begitu juga di pusat-pusat latihan industri, vokesyenal di bawah jagaan MARA dan sebagainya.

Di bidang pekerjaan, Kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki kedudukan kaum India. Kementerian Buruh dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah memastikan

bahawa organisasi-organisasi seperti penerbitan, perkhidmatan dan perdagangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam mestilah memberikan pekerjaan sekurang-kurangnya sebanyak 10% kepada kaum India di semua peringkat.

Sektor ladang memerlukan perhatian segera Kerajaan. Yang Berhormat Menteri Kewangan menjelaskan bahawa program kesihatan luar bandar akan diperluaskan lagi dengan pelaksanaan 333 projek yang terdiri dari pusat-pusat kesihatan luar bandar, Klinik-klinik Desa dan program-program bekalan air luar bandar. Adalah perlu sekali bahawa semua kemudahan yang diberikan untuk penduduk-penduduk di luar bandar juga diberikan kepada penduduk-penduduk di ladang-ladang dan di estet-estet. Saya merujuk khasnya kepada Klinik Desa, Perkhidmatan Pergigian dan Perkhidmatan Kebajikan.

Ini adalah cadangan-cadangan secara umum. Adalah lebih perlu Kerajaan sedar bahawa kaum India dalam masyarakat Malaysia adalah kaum minoriti yang dalam keadaan yang tidak seimbang. Konsep pentadbiran baru dari Jepun akan berjaya hanya jika penduduk-penduduk adalah bersatu-padu. Sebelum kita memandangkan ke Timur ataupun ke Barat, marilah kita mengadakan satu masyarakat yang adil dan saksama yang bekerja bersama di negara ini. Janganlah dibiarkan negara kita terdiri dari tiga kaum yang satu kaum mencuba mengatasi kaum yang lain.

Satu kempen yang besar-besaran perlu dilancarkan untuk mewujudkan satu perasaan bersama di antara masyarakat Malaysia. Saudara-saudara dari kaum Melayu sebagai abang kepada ketiga-tiga kaum di negara kita, dalam Parlimen dan di

luar, perlulah memperjuangkan untuk kepentingan kaum India dari segi peri kemanusiaan. Mengikut Al-Quran yang maha suci seseorang khalifah perlulah menjaga dan melindungi kepentingan seorang luar, seolah-olah orang luar ini menjadi sebahagian dariya. Kita merasa perlu orang luar dianggap sebagai saudara kita, apatah lagi orang dalam seperti kaum India dalam keluarga Malaysia.

Akhirnya, saya berharap bahawa Belanjawan ini akan diperbaiki lagi di peringkat-peringkat penguatkuasaan dengan pertimbangan khas diberikan kepada kaum India Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya ingin saya menyentuh serba sedikit tentang keperluan kewujudan Dewan Negara ini serta peranannya. Ketika kita sedang memperbahaskan Belanjawan negara tahun ini, perlulah juga kita menimbang dan mengambil kira peranan dan kegunaan kita mengadakan Dewan Negara yang menelan belanja berjuta-juta ringgit di atas pengurusan Dewan Negara ini.

Sebagai seorang Senator baru, saya telah memerhatikan perjalanan Dewan Negara ini minggu ini dan minggu lepas. Perjalanan dan pengurusan Dewan ini menimbulkan beberapa persoalan di dalam hati saya. Yang pertama, perbahasan di atas Titah Ucapan Diraja. Ramai Senator-senator yang mewakili kumpulan-kumpulan tertentu ingin berucap, sementara masa berucap dihadkan kepada 15 minit untuk setiap Senator. Perbahasan di atas Titah Ucapan Diraja adalah satu perbahasan yang penting. Tetapi pada akhir perbahasan tiga hari di atas Titah Ucapan Diraja kita dapati masih ramai lagi Senator yang tidak dapat berucap.

Jikalau inilah keadaannya bagaimanakah Senator-senator ini dapat mengemukakan pandangan-pandangan mereka? Apakah terjadi

kepada ucapan-ucapan yang mereka sediakan dengan mengorbankan masa dan tenaga yang akhirnya menjadi sia-sia sahaja? Bagaimanakah Dewan ini dapat mengambil satu kesimpulan di atas pandangan dan fikiran Senator-senator jika mereka tidak dapat memperdengarkan suara mereka di atas perbahasan tertentu?

Tuan Yang Dipertua, satu aspek lagi ialah masa soal-Jawab. Dalam masa Soal-Jawab di antara kira-kira 20 soalan yang disenaraikan setiap hari hanya kira-kira 7 soalan sahaja yang dapat dijawab, yang lain tetap tidak terjawab. Perlu kita ingat bahawa Senator-senator telah mengorbankan masa dan tenaga untuk menyediakan soalan-soalan ini. Pekerja-pekerja Dewan telah mengorbankan masa dan tenaga memproseskan soalan-soalan ini. Pegawai-pegawai Kementerian-kementerian juga telah mengorbankan masa dan tenaga bagi mengadakan jawapan yang sesuai, dan akhir sekali Pak Menteri-menteri dan Timbalan Menteri datang ke Dewan ini untuk menjawab. Tetapi bila masa Soal-Jawab tamat, maka kita dapati masih ada banyak soalan yang belum dijawab.

Keseluruhannya proses ini adalah menunjukkan sia-sianya banyak "man-hours" atau masa kerja. Ringkasnya sia-sialah wang rakyat dan masa Kerajaan. Apakah ini tidak menunjukkan bahawa berjuta-juta ringgit rakyat sia-sia sahaja kerana hasrat Senator untuk berucap dan menyoal tidak dapat disempurnakan. Ini juga menunjukkan bahawa tujuan mengadakan Dewan Negara ini tidak tercapai serta peranannya tidak menjadi sempurna sepertimana dikehendaki oleh Perlembagaan kita.

Memandangkan ini saya rasa dan percaya bahawa perlu kita menimbang semula sama ada penting Dewan ini terus diwujudkan, dan jika ianya tidak

mempunyai peranan yang baik dan berguna, maka Dewan ini boleh ditutup. Dengan berbuat demikian, kita dapat menyelamatkan berjuta-juta ringgit wang rakyat.

Tuan Yang Dipertua, maksud saya ialah bahawa kita sudah sampai ke satu masa yang mana kita perlu menimbang secara mendalam peranan, fungsi dan kewujudan Dewan yang mulia ini.

Selain daripada ini saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah di atas Belanjawan yang cemerlang ini. Kita juga terasa terhutang budi kepada Kerajaan 2M. Pentadbiran 2M ini merupakan satu pentadbiran yang membawa satu era yang baru dan bersemangat kepada generasi merdeka. Ia juga menandakan permulaan era rasionaliti sebagai satu syarat penting dalam kegiatan Kerajaan kita.

Ini juga menunjukkan bahawa emotionalism factionalism dan racialism tidak mempunyai tempat di negara kita.

Saya berharap dan berdoa bahawa semua rakyat Malaysia akan maju ke hadapan dengan mengeneipkan masalah-masalah perkauman dan keagamaan untuk memberi sokongan penuh kepada pentadbiran 2M dalam usaha-usaha mereka mewujudkan satu ekonomi negara Malaysia yang kuat, dinamik dan progressive.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Puan Rogayah binti Ariff.

5.21 ptg.

Puan Rogayah binti Ariff: Tuan Yang Dipertua, saya bangun dan mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Kewangan, lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas langkah yang telah diambil bagi menyediakan satu Belanjawan yang begitu kemas dan rapi demi kepentingan rakyat yang ada dalam negara kita. Dengan adanya Belanjawan seperti yang telah dibentangkan itu diharap negeri kita akan maju ke hadapan untuk mencapai tujuan dan hasrat Kerajaan membasmi kemiskinan dan menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum dalam negara ini.

Di dalam membahaskan Ucapan Belanjawan 1983 ini, ingin saya menyentuh beberapa perkara yang pada hemat saya perlu diberi perhatian oleh Kerajaan demi memperbaiki keadaan yang sedia ada dalam usaha Kerajaan melaksanakan langkah yang telah dihuraikan dalam Ucapan Belanjawan tersebut. Jumlah Belanjawan sebanyak \$28,749 juta telah diperuntukkan bagi Belanjawan tahun 1983 adalah satu jumlah yang begitu besar dan dari jumlah itu sebanyak \$17,079 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus serta sebanyak \$11,676 juta adalah Perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat di atas perhatian, di atas pertolongan serta bantuan yang telah dicurahkan semata-mata dengan harapan untuk mengurangkan kemiskinan rakyat di negara ini. Kita semua tahu bahawa kemiskinan juga tidak akan terhapus tanpa adanya perancangan dan perancangan tidak dapat dilaksanakan kalau kita tidak ada tenaga dan kewangan. Jadi dengan peruntukan Belanjawan tahun 1983 sebanyak \$28,749 juta adalah tinggi dan kita harap akan sampai kepada matlamat yang diharapkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, sebanyak \$4,955 juta adalah untuk tanggungan tertentu seperti bayaran pencen dan juga hutang negara. Saya berasa sangsi berkaitan dengan bayaran pencen ini. Misalnya, seorang yang berkhidmat di Malaysia sehingga bersara, setelah itu dia berpindah ke luar negeri serta menetap di sana, bayaran pencennya berjalan terus hingga ke akhir hayatnya. Tetapi kalau seseorang persara itu telah meninggal dunia dan tidak diberi tahu kepada pihak yang membayar pencen maka pencen itu tetap dibayar hingga beberapa tahunan. Benarkah perkara seperti ini pernah berlaku dan kalau benar saya berharap supaya perkara yang begini hendaklah diawasi benar-benar supaya tidak merugikan wang negara.

Kedua, berkenaan dengan bayaran pencen kepada balu-balu. Misalnya, seseorang yang telah bekerja dan berkhidmat dengan Kerajaan dan meninggal dunia maka balunya mendapat pencen sama ada balu itu muda ataupun telah tua. Pencen itu dibayar selama 12½ tahun dengan bayaran yang penuh. Selepas 12½ tahun maka bayaran itu dipotong sebanyak 30%. Apa yang menjadi sungutan kepada balu-balu ini ialah semasa balu itu masih muda, masih boleh bekerja untuk menambah pendapatannya tidaklah menjadi masalah sangat, tetapi setelah 12½ tahun maka balu itu telah meningkat tua tidak boleh lagi bekerja untuk menambahkan pendapatannya dan pada masa ini pula bayaran pencen telah dipotong sebanyak 30%. Perkara inilah maka balu-balu itu telah memohon supaya dipertimbangkan semula pemotongan bayaran pencen ini kerana memandangkan pada masa ini kadar harga barang-barang yang tinggi dan diharap supaya pemotongan ini dikurangkan ataupun dibayar seperti biasa.

Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan Kementerian Kesihatan, sejumlah lebih kurang \$189 juta adalah

diperuntukkan bagi program-program kesihatan dan keutamaan akan diberi bagi meninggikan taraf kesihatan rakyat, terutama sekali yang tinggal di luar bandar. Ini adalah membuktikan keupayaan rakyat sebagai sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat yang menumpukan perhatian untuk memberi perkhidmatan perubatan yang lebih kepada rakyat. Sebanyak 45 hospital baru apabila telah siap maka kemudahan-kemudahan perubatan akan dapat dirasakan oleh segenap lapisan rakyat dalam negara kita ini dan di samping itu saya juga berharap supaya pembinaan hospital di Sungai Bakap akan dipercepatkan kerana memandangkan bahawa di daerah Seberang Perai Selatan adalah semua rakyatnya datang ke Sungai Bakap untuk mendapat rawatan perubatan.

Tuan Yang Dipertua, di samping itu juga saya berharap supaya perhatian yang wajar hendaklah diberi kepada hospital-hospital yang lama iaitu hospital yang telah sedia ada. Layanan dan kebersihan serta alat-alat kemudahan hendaklah diutamakan, lebih-lebih lagi seperti wad pesakit jiwa, kerana wad pesakit jiwa ini adalah satu tempat untuk pesakit-pesakit jiwa mencari penyelesaian dan ketenangan di samping mendapat rawatan perubatan. Tetapi kalau wad ini tidak akan tenteram seperti wad sakit jiwa di Hospital Besar Pulau Pinang. Wad ini adalah kecil yang hanya boleh memuatkan lebih kurang 30 orang sahaja tetapi wad ini telah diisi dengan pesakit-pesakit lebih kurang seramai 60 orang. Kalau kita membuat lawatan ke wad pesakit jiwa di Hospital Besar Pulau Pinang, maka kita akan dapat melihat pesakit-pesakit itu ada yang tidur di atas katil, ada yang tidur di atas meja, ada yang tidur di bawah meja dan ada yang tidur di atas lantai. Sebab itu, saya berharap supaya perkara yang berlaku ini dapatlah dibereskan kerana kita tahu bahawa perkara ini berlaku ialah kerana

wadnya kecil dan tidak mencukupi tetapi penerimaan pesakit-pesakit itu adalah ramai.

Tuan Yang Dipertua, saya berharaplah kepada Kementerian Kesihatan akan memberi perhatian di atas perkara ini demi untuk memberi ketenangan dan keselesaan kepada pesakit-pesakit yang datang ke situ untuk mendapat rawatan.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi tahniah di atas usaha Kerajaan untuk membanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah kos rendah, terutama sekali untuk memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk dan rakyat kita yang berpendapatan kecil. Dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah ini untuk rakyat yang berpendapatan rendah adalah dialu-alukan oleh rakyat kerana dengan cara ini maka rakyat yang berpendapatan rendah akan dapat memiliki rumah. Lagi satu perkara yang menjadi masalah kepada rakyat-rakyat yang berpendapatan sederhana kerana mereka yang berpendapatan sederhana ini tidak dapat membeli rumah yang kosnya rendah yang diperuntukkan kepada rakyat yang hanya bergaji \$500 dan kepada mereka yang bergaji \$700 ke atas mereka ini tidak mampu membeli rumah yang kosnya tinggi. Jadi, saya berharaplah supaya Kementerian yang berkenaan akan dapat mendirikan rumah-rumah kos sederhana ini dengan secepat mungkin dan juga mestilah diberi keutamaan dengan pembinaan rumah-rumah kos sederhana ini dan dipertimbangkan pula menurut keupayaan pendapatan oleh rakyat-rakyat yang berpendapatan sederhana ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam usaha Kerajaan untuk mempercepatkan penukaran syarat penggunaan tanah adalah sangat mustahak kerana ada permohonan untuk menukarkan syarat

penggunaan tanah kadang-kadang memakan masa setahun hingga dua tahun lebih. Ada di antara tuan tanah yang memohon untuk menukar syarat penggunaan tanah untuk mendirikan rumah tetapi tidak menjawab hingga ke hari ini setelah memakan lebih kurang tiga tahun. Saya takut perkara ini ada satu penyelewengan dalam pelaksanaan di peringkat-peringkat yang tertentu. Sebab itu perkara ini juga harus diawasi oleh pihak yang berkenaan supaya tidak menjadi sungutan kepada rakyat.

Tuan Yang Dipertua, dalam peruntukan program perhubungan termasuk sejumlah \$438 juta untuk menambahkan talian telefon dan kemudahan teleks adalah sangat dibanggakan. Tetapi yang menjadi masalah kepada pengguna-pengguna telefon pada hari ini selalu sahaja bila kita membuat panggilan untuk bercakap dengan orang yang kita panggil maka ada suara orang lain yang sedang bercakap dengan orang lain pula melalui telefon yang kita bercakap tadi. Pernah suatu hari kawan saya yang tinggal tidak jauh daripada rumah saya memberitahu bahawa ianya selalu mendengar percakapan saya melalui telefon. Saya juga biasa mendengar percakapannya. Jadi inilah yang patut diberi perhatian, kerana ini adalah menjadi satu gangguan dan kadang-kadang bila kita hendak bercakap, kita terpaksa tinggalkan begitu sahaja kerana ada suara-suara melalui telefon. Jadi saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya memperbaiki perkara ini untuk memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna telefon pada masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, dalam peruntukan bagi projek pembinaan jalan raya dan pembaikan jalan serta jambatan-jambatan serta membina jalan-jalan baru, membaiki rangkaiannya iaitu rangkaian jalan raya

adalah sangat wajar untuk kegunaan pengguna-pengguna terutama sekali setelah semakan semula kadar kenaikan cukai jalan. Saya berharap supaya jalan-jalan yang sedang diperbaiki yang sedang diperbesarkan bolehlah dipercepatkan pembinaannya, janganlah sampai memakan masa bertahun-tahun.

Di samping itu juga saya berharap supaya sesudahnya jalan ini diperbaiki, janganlah datang pula orang lain menggali untuk menjalankan kerjanya pula, kemudian ditimbus kembali dengan tidak mengikut keadaan yang asal. Kadang-kadang jalan itu tidak rata, rendah, berbatu-batu dan selalu mengganggu kepada pengguna-pengguna jalan raya lebih-lebih lagi kepada penunggang-penunggang motosikal yang kadang-kadang menjadi kemalangan di tempat yang tersebut.

Saya juga berharap supaya ada perancangan serta penyelarasan di jabatan-jabatan ini seperti Jabatan Kerjaraya, Jabatan Telekom, Pihak Berkuasa Air misalnya, apabila menjalankan kerja masing-masing hendaklah berbincang, sebab jabatan-jabatan ini ada kaitannya dengan jalan raya. Semoga dengan adanya kerjasama di antara Jabatan-jabatan ini akan memberi satu kemudahan kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Tuan Yang Dipertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan memansuhkan cukai ke atas beberapa barang-barang dagangan. Sesungguhnya keputusan Kerajaan adalah untuk memansuhkan cukai ke atas barang-barang keperluan ini adalah merupakan permulaan ke arah menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja di dalam negerinya sendiri dan wang kita tidak akan mengalir keluar. Di samping itu juga bagi menggalakkan dagangan runcit bagi barang-barang yang menjadi pilihan kepada pelancong-pelancong dan juga

membantu industri-industri pelancongan, saya berharap supaya Kerajaan akan melantik pegawai-pegawai penguatkuasa untuk membuat tinjauan dan penyiasatan di tempat-tempat yang menjual barang-barang yang saya sebutkan ini untuk memastikan bahawa harga barang-barang yang dijual itu menurut kadar yang telah ditetapkan supaya tidak ada pengguna-pengguna yang tertipu bila membelinya.

Tuan Yang Dipertua, usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelancongan di kalangan pelancong pelancong tempatan dan serantau untuk meningkatkan pendapatan tak ketara adalah satu usaha yang amat baik. Hanya apa yang diharapkan supaya kemasukan pelancong-pelancong luar hendaklah diberi perhatian dan pengawasan yang ketat, dan janganlah dengan kemasukan pelancong-pelancong luar membawa satu bencana yang tidak diingini oleh negara kita dan di samping itu juga kalau kita ke Pulau Pinang misalnya, maka kita akan dapat melihat bahawa pelancong-pelancong yang datang daripada luar memakai pakaian yang tidak senonoh, yang tidak bersopan dan kadang-kadang yang kotor. Perkara ini juga patut diberi perhatian supaya tidak menjadi ikutan kepada muda-mudi kita di sini. Saya berharap adakanlah syarat-syarat bahawa semua pelancong-pelancong yang datang ke negara kita ini hendaklah memakai pakaian yang bersopan.

Tuan Yang Dipertua, dalam keadaan zaman yang mencabar ini kita tidak boleh mengabaikan kepada Pasukan Keselamatan, kerana sesebuah negara yang aman adalah tergantung di atas kekuatan Pasukan Keselamatan. Usaha Kerajaan untuk mempermodenkan dan memperlengkapkan sistem pertahanan negara kita ini adalah dialu-alukan dan diharap supaya usaha ini dapat

dijalankan seberapa cepat yang boleh untuk mengelakkan selalu berlakunya kemalangan yang menimpa Pasukan Keselamatan kita. Dan di samping itu persediaan yang lebih mestilah diutamakan kepada Pasukan Keselamatan yang menjalankan tugasnya di kawasan-kawasan sempadan. Kerana mereka ini selalu sahaja terdedah kepada bahaya, terdedah kepada sarang hendap, yang akhirnya membawa kepada kecacatan, hilang kaki, hilang tangan dan sebagainya. Sebab itu diharap kepada Kerajaan akan memberi pertimbangan yang wajar dan memberi tugas-tugas yang selaras dengan kemampuan dan keupayaan mereka yang telah mendapat kecacatan ini sebagai mengenang di atas segala pengorbanan mereka untuk mempertahankan negara.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga menyentuh mengenai Kementerian Pengangkutan iaitu berkenaan dengan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu. Saya rasa pelik berkait dengan penjualan tiket-tiket perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ini, kerana sebanyak mana orang membeli tiket ataupun penumpang-penumpang membeli tiket dan sebanyak itu pula yang dijualnya. Dengan tidak ada persediaan tempat duduk untuk penumpang-penumpang itu. Jadi kalau sekiranya di antara penumpang-penumpang itu yang membeli tiket daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang misalnya, maka mereka ini kalau lambat sedikit datang ke stesyen Keretapi mereka terpaksa duduk di atas lantai dan pada dua hari yang telah lalu ada di antara kawan saya yang pulang ke Pulau Pinang dan terpaksa duduk di atas lantai hinggalah sampai ke bandar Taiping dan di situ barulah dia dapat tempat duduk.

Jadi saya berharaplah supaya perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ini diperbaiki dan janganlah lagi kalau

sekiranya ada di antara penumpang-penumpang yang membeli tiket kelas dua, kelas tiga maka persediaan tempat duduknya berkurangan maka terpaksa mereka itu duduk hingga baring di tempat-tempat di atas lantai itu.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap sangat supaya perkara ini diberi perhatian dan juga diberi pertimbangan, mudah-mudahan dengan itu sokongan daripada orang ramai kepada perkhidmatan keretapi ini akan lebih baik lagi pada masa yang akan datang.

Sekian, Tuan Yang Dipertua, dan dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim.

5.40 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya bangun ialah untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Akta Perbekalan 1983 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini semalam. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang telah menyediakan dan mengemukakan Akta ini dengan jumlah \$11,370,517,420 Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta ini.

Jadi, untuk meringkaskan masa, Tuan Yang Dipertua, saya suka mengulas beberapa perkara di dalam butir-butir yang disebutkan di sini. Yang pertama sekali ialah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat di bawah B. 48. Saya suka menyentuh berkenaan dengan pengangguran. Berkenaan dengan pengangguran di negara kita ini disebutkan satu perkara yang serius

kerana perkara pengangguran ini, Tuan Yang Dipertua, di sebuah negara seperti Malaysia ini tidak patut berlaku pengangguran, kerana yang pertama sekali negara kita ini adalah sebuah negara yang kaya, sebuah negara yang cukup mempunyai kelengkapan dan punca-punca kekayaan, manakala penduduknya tidak begitu ramai cuma 14 juta sahaja tetapi apa sebab berlaku pengangguran. Ada setengah orang mengatakan pengangguran yang sebenarnya tidak ada di Malaysia ini, yang ada ialah pemilihan kerja sahaja, Tuan Yang Dipertua. Banyak di antara orang-orang yang menganggur itu ialah orang-orang yang memilih kerja, mereka tidak mahu buat melainkan mereka mahu pilih kerja. Saya bersetuju dengan pendapat itu. Di negara kita ini banyak sangat kerja-kerja yang boleh dibuat tetapi kebanyakan pemuda-pemuda kita pada hari ini memilih kerja.

Perkara memilih kerja ini yang sebenarnya pada pendapat saya ialah disebabkan salah sistem persekolahan kita. Sistem persekolahan yang berlaku di negara kita ini sudah tersalah disebabkan kita menjalankan sistem ini begitu lama, begitulah coraknya iaitu kita tidak membezakan di antara sekolah di dalam bandar dan di luar bandar. Misalnya pelajaran yang diajar di sekolah di dalam bandar dan di luar bandar sama sahaja tidak ada beza, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah selain daripada vokasional dan sekolah teknik. Itulah pelajarannya iaitu berdasarkan hendak lulus SRP dan SPM, dari situ menuju ke universiti, untuk membolehkan pelajar-pelajar itu menjawat jawatan guru, jawatan kerani dan sebagainya selepas itu menyambung pelajaran ke universiti.

Dengan cara ini, Tuan Yang Dipertua, pelajar-pelajar kita yang di luar bandar khususnya kaum-kaum tanilah. Saya katakan banyak anak-anak kaum tani yang mereka itu yang

selamanya membuat kerja tani telah mengubah corak kehidupannya, daripada tani itu sudah menuju kepada pekerjaan yang saya katakan tadi, oleh kerana mereka sudah lulus sekolah menengah, lulus SPM. Mereka tidak mahu jadi petani mereka mahu jadi kerani dengan sebab seorang kawannya ditakdirkan dia di sekolah yang sama telah diterima jadi kerani ataupun seorang daripada kawannya itu sudah jadi cikgu, dia pun mahu jadi cikgu. Sementara pula di sekolah itu telah dibawa permainan-permainan baru seperti permainan bola, badminton dan sebagainya.

Orang-orang kampung yang selama ini tidak mengerti perkara-perkara ini sudah pandai. Pemuda-pemuda kampung, anak-anak muda, anak-anak kampung yang selama ini mengerti bertani, yang gemar bercucuk tanam, mengerjakan sawah, menoreh getah dan sebagainya mereka ini sekarang berpaling kepada bagaimana hendak main badminton kerana mereka terpengaruh dengan Misbun dan Razif dan sebagainya, ini menjadi kiblat mereka. Mereka itu telah membeli reket dan mengambil bahagian yang cergas di dalam bahagian ini, mereka tinggalkan perkara-perkara menoreh getah, tanam padi dan sebagainya. Saya nampak itulah sistem persekolahan yang ada sekarang ini bukan mengajak pemuda-pemuda yang di luar bandar ini supaya mengagong-agongkan pekerjaan yang kita pesaka daripada orang tua yang boleh mendatangkan faedah dan rezeki kepada kita seperti menanam padi, menanam tanaman-tanaman yang berguna, menoreh getah ataupun sebagainya tetapi mengajak mereka itu supaya berpaling daripada perkara tersebut. Sebab itulah kita dapati pada masa sekarang ini beratus-ratus ribu ekar tanah-tanah padi yang terbiar sahaja tidak ada siapa yang hendak mengerjakannya.

Kita tengok pula berpuluh ribu ekar tanah getah yang tinggal begitu sahaja

tidak ada penorehnya. Kita dapati, banyak pihak iaitu Jabatan Pertanian mengadakan kursus pertanian, pihak RISDA, pula mengadakan kursus berkenaan dengan menoreh getah dan sebagainya tetapi kepada siapa yang diadakan itu? Semua sekali kepada orang-orang tua, orang-orang yang sudah dewasa. Orang-orang tua ini kebanyakannya ialah orang-orang yang buta huruf. Orang-orang ini walaupun diberi kursus macam mana pun susah hendak mengikut. Orang-orang muda ini tidak masuk kursus itu pada hal kalau sekiranya kursus-kursus yang diberi itu diajar di dalam sekolah menengah saya fikir pelajar-pelajar yang di sekolah menengah itu akan menjadi alim dengan kursus-kursus itu dan mereka itu diajar bagaimana cara-cara menoreh getah di kampung mereka.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberi penerangan di sini bagaimana susah hendak dapat tapak sebuah sekolah mendirikan tapak sebuah sekolah berhajat sekurang-kurangnya 50 ekar tanah. Kalau kita bertanya apa hendak buat dengan 50 ekar tanah itu, tentu dia kata mahu buat padang permainan dan sebagainya. Maka kalau 50 ekar buat padang permainan apa benda permainan di padang itu, tentulah dia cerita kepada kita padang badminton, padang bola, padang itu dan padang ini jadi 50 ekar, menambahkan budak-budak itu lari daripada dasar datok-nenek mereka kepada dasar yang dikatakan moden tadi iaitulah menipu diri sendiri di dalam bahagian pertanian dan pekerjaan kampung. Tetapi kalau saya ditanya oleh Menteri Pelajaran saya kata bukan 50 ekar saya bersetuju, kalau sekiranya sekolah menengah macam itu diberikan 100 ekar tanah tetapi bukan kerana dasar padang permainan tetapi di tengok sekolah itu macam mana. Sekarang ini baharu kita mendengar bagaimana Kementerian Pertanian telah menutup

MAJUTERNAK. MAJUTERNAK yang begitu mustahak di dalam negeri kita telah ditutup, dibubarkan kerana tidak menguntungkan katanya. Sebaliknya dihidupkan pula cara bagaimana kita import daging-daging daripada Australia. Berapa banyak kita rugi? Kerajaan Malaysia berapa million setahun rugi kerana kita import daging lembu, daging kambing dan sebagainya daripada Australia tetapi sebaliknya MAJUTERNAK yang diadakan kerana menternak binatang-binatang daging itu ditutup kerana tidak menguntungkan. Saya kata ini bukan tidak menguntungkan tetapi MAJUTERNAK tersalah jalan. Sepatutnya MAJUTERNAK memelihara lembu, kambing dan sebagainya diadakan pakar-pakar, dihantarkan pelajar-pelajar kita ke luar negeri belajar bagaimana di Amerika, di Australia dan sebagainya dan diberi peluang kepada mereka apakala balik kelak memajukan tempat-tempat MAJUTERNAK ini, jangan ditutup kerana negara kita mustahak juga dimajukan sebagai negara ternakan di samping pertanian. Tetapi kalau sekiranya anak-anak syarikat yang tidak menguntungkan, syarikat-syarikat perniagaan itu elok ditutup, itu tidak mengapa tetapi macam MAJUTERNAK, MAJUJIKAN dan sebagainya ini perkara yang boleh memajukan perusahaan dan boleh memajukan perusahaan bumiputera, ini patut digalakkan, kepada saya ini tidak kena. Saya harap pihak Kementerian menimbangkan lagi dalam perkara-perkara yang seumpama ini. Jadi sistem persekolahan tidak betul. Dalam perkara ini, saya harap pihak Kementerian Pelajaran menimbangkan, jangan sistem persekolahan di bandar disamakan dengan luar bandar.

Saya fikir kalau sekiranya di pantai-pantai misalnya di tempat-tempat nelayan patut sekolah itu digalakkan berkenaan dengan nelayan, diajarkan

mereka bagaimana menangkap ikan, bagaimana membuat ikan kering dan sebagainya dan bagaimana hendak memasarkan ikan itu serta menjauhkan diri daripada orang-orang tengah supaya anak-anak itu apabila keluar daripada sekolah kelak dapat mereka itu berdiri di atas kaki sendiri.

Begitu juga dalam hal pemasaran getah dan sebagainya. Kita tidaklah kekurangan orang. Pada masa sekarang ini yang pelik lagi anihnya, Tuan Yang Dipertua, pihak RISDA yang bekerja keras kerana getah ini mengambil anak-anak pekebun-pekebun kecil, ditempatkan di asrama-asrama di bandar-bandar kerana memberi pelajaran kepada mereka, di beri scholarship, ditempatkan di bandar-bandar tetapi bukan diajarkan mengenai getah tetapi diberi pelajaran dan belajar di sekolah menengah. Pelajar-pelajar ini belajar bermacam-macam jurusan, apakala mereka itu sudah lulus sekolah, mereka itu tidak hendak balik ke kampung lagi, tempat ibubapa mereka, mereka terus duduk di bandar, mereka itu bekerja dengan Kerajaan sama ada bekerja dengan RISDA ataupun dengan lain-lain jabatan. Inilah yang merugikan. Jadi, saya nampak tidak kena jalan, tersalah jalan. Kalau kita hendak melihat ke Timur tidak patut kita ikut cara itu. Jika kita tengok orang-orang Jepun, macam mana negeri Jepun, pada hal negeri itu negeri industri, negeri Korea negeri industri, kenapa padinya boleh jadi subur, bagaimana orang-orangnya boleh bertanam padi lebih dan gemar bertanam padi. Itu menunjukkan dia sudah tanamkan semangat bertanam padi di dalam jiwa anak-anaknya dan diajarkan bagaimana cara hendak menanam padi, bagaimana hendak hidup berdikari berkenaan dengan padi dan sebagainya. Jadi orang-orang yang bertanam padi ini mereka tidak hairan walaupun mereka pergi ke bandar Tokyo mereka tidak terikat, mereka tidak terikat dengan

kecantikan bandar Tokyo tetapi selepas daripada mereka melihat dan makan angin di bandar Tokyo mereka balik ke kampung mereka, di bendang-bendang padi dan mereka bertanam padi, mereka bertanam buah epal dan sebagainya.

Anak-anak muda kita di sini Tuan Yang Dipertua, apakala pergi ke bandar tidak hendak balik, mereka cari rumah-rumah setingan dan sebagainya, duduk di situ, mereka terikat dengan kecantikan bandar Kuala Lumpur ini, mereka sudah mula terikat memakan nasi lemak dan roti canai yang ada di sini, mereka sudah lupa nasi-nasi kampung dan sebagainya. Saya fikir cara-cara ini patut diubah kepada asal balik. Saya fikir ini salah sistem yang ada sekarang ini patut diubah, pada pendapat saya. Saya bukan pakar pelajaran tetapi fikiran saya begitu.

Pengangguran yang ada ini itulah satu daripada sebab-sebabnya yang besar. Satu daripada sebabnya ialah sistem persekolahan kita yang ada sekarang ini mengikut dasar penjajah dahulu tidak diubah, cuma pelajaran yang ada sahaja diubah tetapi mata pelajarannya setakat itulah juga, tidak diubah.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan pinjaman perumahan. Masalah perumahan ini satu masalah yang besar kepada kita sekarang ini, orang-orang kita pergi pinjam di bank, pinjam di mana-mana, pinjam buat rumah, kadang-kadang permohonannya itu ditolak dan sebagainya. Jadi pihak bank-bank ini kadang-kadang wang ada dikata tidak ada wang, macam-macam.

Menurut Timbalan Menteri Kewangan tahun lepas, pada 8hb Oktober, 1981 diberitahu sebanyak 22 daripada 38 buah bank di negara ini belum lagi mengeluarkan semua kuota minima 10% bagi pinjaman

perumahan individu tahun ini berjumlah \$325 juta seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Menurut ketetapan katanya, 38 buah bank di negara ini sepanjang tahun 1981 hendaklah mengeluarkan pinjaman perumahan individu berjumlah \$3,008 juta iaitu pinjaman ke bawah daripada \$100,000, 74% dan pinjaman lebih daripada \$100,000, 26%. Kebanyakan bank katanya sama ada memberi pinjaman yang lebih daripada \$100,000 kerana pinjaman ke bawah daripada \$100,000 faedahnya kecil, jadi bank tidak berapa hendak beri. Pihak bank memang begitulah Tuan Yang Dipertua, berkehendakkan keuntungan besar, keuntungan kecil tidak hendak.

Di bawah garis panduan mengenai pinjaman perumahan individu oleh bank-bank yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara semenjak 1-1-1981, semua bank-bank perdagangan diwajibkan mengeluarkan pinjaman sekurang-kurangnya 10% bagi pinjaman perumahan individu di seluruh peruntukan pinjaman mereka di dalam tempoh setahun. Kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas bank-bank perdagangan di negara ini yang tidak mengeluarkan dengan sepenuhnya pinjaman perumahan kepada orang ramai sebelum 31hb Disember ini. Jadi, itulah saya tiap-tiap kali baca kenyataan-kenyataan Menteri berkenaan dengan hal bank-bank tidak mengikut arahan Bank Negara berkenaan dengan pinjaman dan sebagainya dan tindakan yang tegas akan diambil. Saya tidak tahu adakah bank-bank yang dikatakan itu mengikut atau tidak pada 31hb Disember, 1981 dan apakah tindakan yang telah diambil kalau bank-bank itu tidak mengikut arahan Bank Negara itu. Saya harap pihak Kerajaan mesti tegas dalam perkara ini, jangan kata hendak ambil tindakan, hendak ambil tindakan sahaja kemudiannya tidak

ambil apa-apa tindakan akhirnya tidak berkesan amaran-amaran yang seumpama itu tidak memberi kesan apa satu kepada bank-bank yang lain. Saya harap kata-kata seumpama itu mesti dikotakan, Tuan Yang Dipertua, barulah akan menjadi pengajaran kepada bank-bank yang lain.

Berhubung dengan projek perumahan lagi, Tuan Yang Dipertua, di dalam Dewan Parlimen ini pada 20-11-1981 menurut Timbalan Menteri Perumahan memberi kenyataan di dalam Dewan mengatakan Kerajaan akan melaksanakan 13 projek rumah awam kos rendah jenis kondominium, hendak membuat 13 projek rumah awam kos rendah jenis kondominium di 5 buah negeri meliputi 8,864 unit di dalam peringkat permulaan. Negeri-negeri itu ialah Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Pahang serta Perlis. Kos purata bagi seunit rumah itu dianggarkan \$18,670 sementara penawarannya sebanyak 14,000 akan ditawarkan. Rumah kondominium akan diberi keutamaan kepada golongan yang berpendapatan \$750 ke bawah. Bayaran sewa dicadangkan lebih kurang \$120 sebulan. Selepas 10 tahun menyewa, penyewa diberi pilihan membeli rumah itu dan sewa-sewa yang telah dibayar dijadikan sebahagian daripada harganya. Bakinya lagi boleh dibayar dengan jalan ansuran selama 15 tahun pula. Jadi ini adalah satu keuntungan kepada orang-orang yang bergaji kecil iaitu \$750 ke bawah. Cuma saya hendak bertanya Menteri Perumahan, adakah rancangan ini telah dilaksanakan ataupun tidak ataupun ini hanya janji-janji sahaja. Kalau janji-janji sahaja tidak patut pihak Kementerian Perumahan membuat rancangan, kalau berjanji mestilah ditunaikan. Dan dikatakan pula akan dijalankan seterusnya, saya harap kalau sekiranya rancangan ini dijalankan rumah seumpama itu, janganlah

dirancangkan di 5 buah negeri sahaja, hendaklah dijalankan di dalam tiap-tiap buah negeri dalam Malaysia supaya menjadi sama rata dan dapat keadilan, tidaklah bertumpuk-tumpuk dijalankan di Sabah ataupun di Johor, di Kelantan dan di Perlis sahaja, patutlah dimasukkan negeri Terengganu juga kerana kekurangan perumahan di negeri-negeri yang lain selain daripada 5 buah negeri itu. Saya harap pihak Kementerian Perumahan ini dijalankan terus projek ini.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Menteri Pertanian berkenaan dengan perikanan. Saya tidak boleh lari daripada perikanan kerana negeri Terengganu itu adalah sebuah negeri perikanan yang besar di Pantai Timur. Masalahnya ialah berkenaan nelayan di negeri Terengganu juga di Kelantan dan sedikit di Pahang berhubung dengan ancaman kapal-kapal asing yang selalu mengganggu nelayan-nelayan tempatan, selalu menceroboh dan mengganggu bubu-bubu nelayan yang ada. Inilah yang selalu menjadi masalah besar kepada nelayan-nelayan di negeri Terengganu. Apakala perkara ini ditampilkan, maka pihak Jabatan Perikanan menyatakan perkara ini sudah dilaporkan kepada Polis dan sebagainya.

Pada tahun lepas Menteri Pertanian di dalam Parlimen ini pada 17hb Disember, 1980, dia sudah mengakui, sudah berjanji dalam Dewan yang mulia ini hendak mengadakan empat Wilayah penguatkuasa di bawah Jabatan Perikanan yang meliputi Semenanjung Malaysia yang bertujuan untuk mengwujudkan satu sistem penguatkuasaan yang lebih berkesan, akan diadakan pada tahun 1981 yang berpengkalan di Pantai Timur di Terengganu dan Pantai Barat di Pulau Pinang dilengkapi dengan bot-bot laju untuk mengawal dan melindungi kaum nelayan di Semenanjung

Malaysia untuk menjamin kawasan 12 batu sepanjang perairan pantai supaya tidak dicerobohi oleh bot-bot nelayan luar. Setiap pengkalan wilayah itu akan dilengkapi dengan 10 buah bot, 6 buah bot peronda laju dan 4 buah bot peronda biasa. Itulah janji Menteri Pertanian akan diadakan 4 pengkalan gerak cepat. Empat pengkalan ini akan dibekalkan dengan 10 buah bot laju, 6 buah bot laju dan 4 buah bot biasa untuk mengejar kapal-kapal musuh yang akan menceroboh nelayan-nelayan kita. Itu kata dia. Tetapi saya hairan, Tuan Yang Dipertua, baru kelmarin saya baca dalam akhbar Utusan Melayu, saya minta izin hendak bacakan petikannya:

Utusan Melayu bertarikh 16hb Disember, 1982. Kerugian ditaksirkan \$171,800—nelayan asing musnahkan 1,718 bubu. Kuala Terengganu—14hb Disember, 1982. Kira-kira 1,718 buah bubu ikan yang bernilai \$171,800 kepunyaan 40 orang nelayan bubu di sini yang dipasang di Laut China Selatan telah dimusnahkan oleh nelayan-nelayan asing sejak sebulan lalu. Akibat dari keganasan ini ramai nelayan bubu yang tinggal di kampung-kampung Raja Wali, Pulau Serai, Tanjung Bidara, Sungai Buaya dan lain-lain lagi begitu bimbang sekali hendak turun ke laut. Nelayan-nelayan asing yang dibiayai dari negeri Thai itu dikatakan datang dari kapal Besar yang lengkap dengan alat-alat moden memusnahkan bubu-bubu nelayan tempatan. Kapal-kapal nelayan asing itu terdiri dari pukut tunda besar dan pukut hanyut telah melanggar bubu serta mengerat tali-tali bubu kepunyaan nelayan tempatan.

Begitulah sehingga akhirnya cerita itu, Tuan Yang Dipertua.

Jadi dimanakah letaknya Pengkalan Gerak Cepat 4 tempat yang dikatakan

ada 10 buah bot—6 buah bot laju, 4 buah bot biasa yang hendak kejar bot-bot asing itu. Saya tidak tahu di mana. Dalam Dewan ini Menteri mengatakan ada. Tetapi apakala berlaku peristiwa pencerobohan itu, tak ada bot laju itu. Senyap sahaja. Habis rugi rakyat kita sampai 1,718 bubu berharga \$171,800 dilanggar oleh nelayan-nelayan asing itu. Kemudian nelayan asing itu pula ada mempunyai senjatapi di kapal-kapal mereka. Kapal-kapal nelayan kita tidak boleh dibekalkan dengan senjatapi kerana salah di sisi undang-undang. Dibimbangkan mungkin mereka memberontak dan sebagainya tetapi orang-orang yang tertentu di negeri ini boleh dibekalkan dengan senjatapi, diberi lesen, boleh pakai pistol, boleh pakai senapang patah, boleh pakai lebih daripada itu lagi. Kenapakah Kerajaan kita tidak boleh menimbangkan nelayan-nelayan itu supaya diberi machine-gun atau meriam kecil dan sebagainya. Saya hairan—cukup hairan. Untuk menjaga diri, apa salahnya mereka diberi machine-gun, dengan adanya machine-gun itu barangkali nelayan-nelayan asing itu bimbang, mereka tak berani hendak menceroboh bubu-bubu nelayan kita dan sebagainya, sebab mereka tahu sama-sama ada senjatapi, kalau digunakan senjatapi, hamba Allah ini berani melawannya. Kita juga baka daripada keturunan Pahlawan Melayu. Ada dalam sejarah Pahlawan Melayu kita ini tidak akan menyerah kalah, biarlah mati berkalang tulang daripada hidup bercerminkan bangkai. Ada pepatah-pepatah yang seumpama itu. Jadi kalau sekiranya orang-orang Siam itu datang dengan lancang, takkanlah nelayan-nelayan Terengganu akan menyerah kalah begitu sahaja, pencerobohan bubunya ditengok dengan putih mata. Tentu mereka akan hentam. Kalau ia berani menggunakan machine-gun, kita juga berani menggunakannya asalkan machine-gun itu dibenarkan dan biarlah nelayan itu membeli. Ini tak berani beri kebenaran.

Jadi kita sampai bila-bila pun di negeri kita ini sendiri kena ceroboh sedangkan di laut kita, kita isytiharkan perairan laut 200 batu daripada pantai tetapi apakah maknanya perairan 200 batu sedangkan nelayan asing datang sampai 12 batu dekat dengan pantai menceroboh, tidak ada apa lagi, yang 200 batu itu entah ke mana. Kapal perang kita di mana? Merin kita di mana? Mereka yang menjaga pantai itu hilang dengan kapal-kapal perang dan sebagainya. Jadi saya hairan mengenai janji di dalam Dewan Parlimen ini, Menteri berjanji hendak mengadakan Pengkalan Gerak Cepat—4 tempat, di Pulau Pinang, Johor dan Selangor dan di Terengganu. Maknanya akan menunggu musuh-musuh nelayan itu tetapi apakala musuh-musuh itu datang, semua tak berjumpa dengan bot-bot gerak cepat tadi. Adakah bot-bot gerak cepat itu lari, wallahwalam, saya tidak tahu, minta maaf.

Berkenaan dengan MAJUTERNAK di bawah Kementerian Pertanian juga, macam saya katakan tadi saya cukup dukacita kerana agensi itu dibubarkan. Tak patut kerana pada pendapat saya MAJUTERNAK ini adalah satu agensi yang patut dimajukan dan dibelanjakan kerana ia memberi faedah yang besar kepada kita lebih-lebih lagi agensi itu membekalkan daging kepada seluruh rakyat jelata sekalian. Kita sekarang hingga bila hendak membeli daging yang begitu mahal, daging yang diimport daripada luar. Kemudian kita pula kena hantar orang kita pergi periksa di sana sama ada halal atau haram. Kalau sekiranya tidak pergi, orang kita bergaduh barangkali daging itu daging yang haram. Terpaksa kena hantar pula alim-ulama kita atau wakilnya pergi ke Australia, berapa pula belanjanya dan lagi pula patutlah pihak MAJUTERNAK ataupun Kementerian Pertanian ini bekerjasama dengan pihak-pihak seperti FELDA dan sebagainya.

Pihak FELDA ini selain daripada macam kita dengar kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi, kita sudah dengar penerangannya berkenaan dengan peneroka-peneroka yang pergi ke Singapura, dia kata sudah tak dibenarkan lagi, dia boleh bekerja di FELDA, boleh mencari makan disitu. Saya nampak mereka boleh bertanam dan sebagainya. Satu daripada projeknya, ternakan patut digalakkan dalam FELDA itu sendiri. Apalah salahnya dia beri lembu atau kerbau atau kambing kepada peneroka-penerokanya boleh 10 ke 20 ekor seorang supaya mereka itu memelihara binatang-binatangnya di dalam FELDA kerana di dalam FELDA banyak tanah dan ada kawasan-kawasan rumput juga tetapi dengan satu pengawasan daripada pihak pertanian dan sebagainya. Ini satu daripada cara-cara yang boleh menambahkan daging dan sebagainya. Banyak perkara-perkara yang boleh dibuat di dalam negara kita ini tetapi cara-caranya sahaja. Dengan kerjasama yang baik saya fikir di antara Kementerian ini boleh dibuat bermacam-macam cara, boleh menambahkan daging dan sebagainya. Dengan cara itu Kerajaan boleh menyelamatkan beratus-beratus juta ringgit.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan Jabatan Imigresen—B. 38, iaitu saya suka menyentuh berkenaan dengan pendatang haram Vietnam. Perkara ini mengenai negeri Terengganu 100% dan juga negeri-negeri yang lain kerana adanya Pulau Bidong di negeri Terengganu itu menjadi tumpuan orang-orang Vietnam datang tak putus-putus sepanjang tahun. Dahulu di dalam Parlimen ini juga dikatakan orang-orang Vietnam yang datang itu tidak merugikan Kerajaan kita walau satu sen pun, itu ditanggung oleh

Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi baru-baru ini Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir memberitahu di Kuala Terengganu, katanya Kerajaan Malaysia telah membelanjakan \$240 juta untuk memberi perlindungan kepada seramai 178,952 orang pendatang Vietnam yang mendarat secara haram di seluruh negara semenjak tahun 1975, jadi Kerajaan Malaysia membelanjakan \$240 juta. Perbelanjaan lebih \$30 juta tiap-tiap tahun itu satu beban yang berat kepada Malaysia. Lebih 1,000 orang pelarian Vietnam masih mendarat setiap bulan. Daripada jumlah 178,952 pendatang haram yang mendarat di negara ini, seramai 171,588 telah dipindahkan ke negara ketiga, meninggalkan baki 8,300 orang lagi, daripadanya 4,153 ditempatkan di Pulau Bidong, 4,147 ditempatkan di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur. Jadi 1,000 orang masih mendarat tiap-tiap bulan, apa macam ini, Tuan Yang Dipertua? Perang Vietnam ini sudah habis, negerinya sudah habis berperang—tak ada perang lagi, orang ini masih datang ke negara kita dengan nama pelarian perang, adakah masuk di dalam kamus? Dalam kamus dunia orang yang sudah berhenti perang orang ini masih lagi dinamakan pelarian perang, hingga bila orang Vietnam ini dinamakan pelarian perang dan kita mesti hormat mereka sebagai pelarian perang? Apa hal orang negeri lain yang berperang dan sudah berhenti, berpuluh-puluh tahun dahulu kita tak terima mereka, kalau mereka masuk kita tangkap, kita sifatkan mereka itu adalah pendatang haram yang patut ditangkap, dibawa ke mahkamah dibicarakan mereka masuk secara haram. Tetapi kepada pendatang Vietnam ini kita terima mereka, kita tempatkan mereka di Pulau Bidong, di negeri Terengganu ataupun di Sungei Besi di sini diberi makan yang bagus-bagus. Kerajaan kita kena belanja pula beratus-ratus million, apa macam ini? Saya rasa tak

kena sungguh. Patut orang macam ini mereka hendak masuk ke sini kita halaukan mereka, tak boleh kita terima. Apakala mereka hendak mendarat sahaja halaukan mereka begitu. Kalau sekiranya mereka mendarat pun kita mesti hantar balik mereka ke Vietnam, tak boleh kita biarkan begitu. Ini menjadi tauladan yang hodoh kepada negara-negara yang lain. Negara lain pula sekarang hendak terima pendatang Vietnam daripada Malaysia ini bubuh syarat pula, hendaklah orang ini orang yang ada hubungan keluarga dengan negara itu dan mereka hendaklah terdiri daripada yang mempunyai kepakaran di dalam bidang tertentu. Jadi kalau ada kepakaran itu kita pun rasa tak payah lepaskan. Orang yang tak ada kepakaran ini berapa ribu lagi, 8,000 lagi tak ada, apa nasibnya pun kita tak tahu. Duduk 4,000 orang di Pulau Bidong, terpaksa Kerajaan Malaysia kena tanggung.

Jadi, pada pendapat saya orang-orang yang macam ini sudah sampai masanya kita tak boleh benarkan lagi mereka mendarat di Malaysia dan patut diambil tindakan. Orang ini bukannya pelarian Vietnam lagi, ini pendatang haram sama dengan yang lain. Kalau sekiranya orang-orang daripada Indonesia itu datang ke sini kita tangkap mereka, kita bawa ke mahkamah, kita dakwa mereka. Kenapa orang Vietnam pun tak boleh dibuat begitu? Tangkap mereka dakwa mereka ataupun tangkap mereka dan hantar balik ke Vietnam sana, biar mereka tahu. Orang-orang ini mereka takut sangat kalau hendak dihantar balik. Biarlah apa jadi pun, itu terpulang kepada Kerajaan mereka sama ada hendak bunuh mereka hendak jel mereka, itu mereka dengan rakyat mereka, sama juga macam rakyat Malaysia dengan Kerajaan Malaysia, terpulanglah rakyat dengan Kerajaan mereka. Itu bukan tanggungjawab kita, tanggungjawab mereka. Mereka sudah lari ke sini, kita

pulangkan balik. Apakala masyhur perkara ini di Vietnam tak ada lagi rakyat Vietnam yang akan datang ke sini. Kalau kita biarkan begini akan termasyhurlah di kalangan orang-orang Vietnam itu Malaysia ini satu negara yang baik, negara yang bagus akan menerima kita, kata mereka. Maka mereka itu akan datang tiap-tiap bulan sampai 1,000 orang. Kalau tak boleh mendarat di Kelantan, mereka akan mendarat di Terengganu, tak boleh di Terengganu—di Pahang. Apakala naik sahaja, Kerajaan kita akan-menyambut mereka sebagai tetamu.

Satu lagi perkara yang hendak saya bangkitkan, Tuan Yang Dipertua, berkenaan contoh yang baik. Sepatutnya Kerajaan kita ataupun agensi-agensi Kerajaan patut dia menunjukkan contoh yang baik kepada rakyat supaya menjadi tauladan, tetapi kadang-kadang tidak begitu. Pihak agensi-agensi Kerajaan ini melanggar terus kerana barangkali disifatkan agensi-agensi Kerajaan ini mereka pihak Kerajaan, tak ada siapa yang boleh menjalankan undang-undang terhadap mereka.

Saya bawa beberapa contoh daripada suratkhobar, ada suratkhobar hari ini. Satu daripadanya berkenaan dengan Rancangan Perumahan Kos Rendah di Taman Tun Dr Ismail, di Sungai Abong, Muar. Tuan Yang Dipertua, lebih tahu daripada saya, saya daripada Terengganu, Dato' orang Muar. Ditulis di situ katanya, rancangan rumah ini dibuat oleh Kerajaan tetapi tak mengikut peraturan. Peraturan yang tak diikutnya, katanya berkenaan perparitan. Parit yang dibuat itu sepatutnya dibuatkan parit simen kerana menahankan air daripada banjir. Ini tidak, digalikan tanah begitu sahaja menyebabkan tanah itu runtuh balik, menutupkan parit itu, maka air yang berlalu itu jadi banjir selalu, itu tak patut katanya, melanggar peraturan.

Yang keduanya, di antara satu rumah dengan satu rumah sepatutnya jaraknya lebih daripada 5 kaki kerana memberi peluang kepada kereta-kereta bomba masuk kalau berlaku kebakaran, tetapi yang dibuat di situ 5 kaki sahaja kata dia, tak boleh masuk kereta bomba. Itu yang dikatakan di dalam suratkhbar itu, dia tempelak.

Timbalan Yang Dipertua: Sudah habiskah?

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Ada sedikit lagi. Dia kata sepatutnya kalau pemaju swasta buat, dia tidak mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (Certificate of Fitness) tetapi kerana rumah dibuat oleh pihak Kerajaan maka Majlis Daerah telah mengeluarkan CF tadi dengan tidak hiraukan peraturan-peraturan. Ini satu daripada cara yang tidak molek.

Satu lagi saya baca dalam suratkhbar itu satu berita daripada Kampung Gajah di Perak, yang bertarikh 15hb Disember. Menurut suratkhbar itu:

“Kira-kira \$600,000 tunggakan hasil tanah belum dijelaskan oleh pemilik-pemilik tanah kepada Pejabat Tanah/Daerah Kecil Kampung Gajah sejak 24 tahun lalu. Penolong Pegawai Daerah, Kampung Gajah, Encik Shaari Othman berkata, surat-surat notis telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah yang memberi tempoh 3 bulan kepada pemilik-pemilik ini untuk menjelaskan hutang tunggakan itu. Jika pemilik-pemilik tanah atau waris berkenaan tidak membuat sebarang rundingan dengan Pejabat Tanah, segala tanah mereka akan diwartakan ke arah pengambilan balik menjadi hak Kerajaan”.

Jadi kemusykilan saya, Tuan Yang Dipertua, walaupun saya bukan orang Perak

Timbalan Yang Dipertua: Ini apa ada kena-mengena dengan Budget kita ini?

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Ini satu contoh yang tidak molek (*Ketawa*).

Menurut Undang-undang Pendakwaan, kalau saya berhutang kepada seseorang mestilah hutang itu dibayar dalam masa 3 tahun. Menurut Undang-undang Pendakwaan atau Limitation Enactment, kalau sekiranya tidak dituntut dalam masa 3 tahun, dia tidak boleh tuntutan dalam mahkamah, itu mahkamah tolak sahaja. Ini hasil tanah, cukai tanah sampai 24 tahun, Pejabat Tanah punya leceh, 24 tahun tuntutan lagi, boleh berjalan lagi. Sepatutnya boleh tuntutan selama 3 tahun sahaja, hak yang lebih itu hapus fasal Pejabat Tanah punya leceh. Perkara yang seumpama ini tidak bolehlah, sepatutnya dijadikan tauladan. Kalau sekiranya mahkamah kata tetap 3 tahun, fasal apa sampai 24 tahun kerana kalau orang ramai boleh tuntutan selama 3 tahun sahaja hutang-hutang, fasal apa Kerajaan sampai 24 tahun. Jadi Kerajaan mesti menjadi tauladan kepada rakyat. Kalau sesama rakyat 3 tahun, Kerajaan tidak bolehlah tuntutan hutang dia sampai 24 tahun.

Tuan Yang Dipertua, saya menyentuh berkenaan dengan Jabatan Laut, Maksud B. 52, berhubung dengan muara-muara sungai.

Negeri-negeri di Pantai Timur seperti di Terengganu, banyak sungai-sungai yang menghadap ke Lautan Cina terutamanya Kelantan. Jadi sungai-sungai ini tiap-tiap tahun dipukul oleh ombak jadi tohor dan tertutup menyebabkan nelayan-nelayan tergendala hendak keluar ataupun disebabkan tohor itu susah kepada kapal-kapal ataupun bot-bot nelayan yang hendak keluar masuk. Bukan kata sekali-sekala, ini sudah

terkena banjir dan rakyat itu akan ditimpa bala iaitu rumah-rumah mereka itu akan hancur ataupun hanyut. Jadi kalau Kerajaan sudah tahu yang seumpama itu, apa fasal tidak dibuat dengan satu jangka pendek, tidak usah buat jangka panjang; tiap-tiap tahun menyediakan perbelanjaan yang begitu banyak bagi tiap-tiap negeri. Adakan kampung perpindahan, dibanci penduduk-penduduk yang duduk di tempat yang rendah itu dipindahkan ke tempat yang tinggi, dibuatkan kampung perpindahan, kampung baru perpindahan. Kerajaan boleh mengeluarkan satu perbelanjaan sekali gus sahaja. Carikan satu tempat perpindahan jadikan kampung baru, keluarkan belanja kepada orang-orang ini, pindahkan ke situ. Tidak payah tiap-tiap tahun Kerajaan mengeluarkan belanja kerana buat bangsal bagi mereka, mengadakan beras, mengadakan transport hingga ke helikopter dan sebagainya. Saya fikir itu lebih baik dan lebih selamat. Kerajaan untung, rakyat pun untung. Rakyat yang di tepi sungai banyak mana sangat, bukan yang di sepanjang-panjang sungai; cuma kawasan-kawasan yang rendah sahaja yang terlibat. Kawasan yang tinggi tidak terlibat, walaupun yang duduk di tepi sungai sahaja.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat

Dato' hendak menyambung lagi ucapan pada hari esok atau hendak menamatkan sekarang?

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Ada lagi, kalau sekiranya Tuan Yang Dipertua benarkan, saya

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup. Saya boleh membenarkan jika sekiranya Yang Berhormat Dato' hendak menyambung ucapan itu lagi pada hari esok.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Kalau Tuan Yang Dipertua benarkan, saya ada hendak sambung lagi.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato', ucapan ini akan disambung pada hari esok.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 3.00 petang hari esok, 17hb Disember, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

menjadi amalan tiap-tiap tahun apakala datang banjir sahaja dalam masa musim tengkujuh, mesti laut itu berombak. Maka apalah salahnya kalau Jabatan Laut ini mengadakan satu kapal gali yang khas untuk membetulkan kuala sungai ini, tidak payah dibuat satu estimate tiap-tiap tahun, mesti mengadakan sebuah kapal yang kerjanya menggali muara sungai-sungai itu. Jadi apakala datang musim tengkujuh mulakan kerja, tengok mana kuala sungai yang tohor sekali yang itu dimulakan dahulu bagi menyenangkan kepada nelayan-nelayan.

Tuan Yang Dipertua, saya masuk dalam bahagian pertanian berkenaan dengan tanaman kelapa. Kelapa ini sudah jadi macam getah. Getah ada berharga juga, kelapa di negeri Terengganu sekarang ini banyak orang tidak panjat, dibiarkan begitu sahaja; luruh begitu sahaja, melambak-lambak orang tidak ambil kerana harga panjat kelapa lebih mahal daripada harga buah kelapa itu sendiri, dibiarkan begitu sahaja. Apakala dibiarkan begitu tidak ada harga. Saya tanya kepada tuan punya kelapa ini fasal apa tidak panjat? Begitulah jawabnya: Apa guna kita panjat, harga panjat berapa 100, harga buah berapa 100; cuba sifir sahaja. Saya tanya: Dahulu bagaimana? Katanya: Dahulu ada satu masa Kerajaan benarkan kita bawa ke Siam, jadi buah kelapa mahal. Tetapi sekarang ini ditahan, bila ditahan tidak ada siapa hendak panjat. Jadi saya pun teringat, apa fasal yang Kerajaan kita ini tahan buah-buah kelapa dibawa ke negeri Siam, fasal apa tidak dibenarkan. Macam getah ada kepentingan negara, buah kelapa ini apa kepentingan negaranya? Buah kelapa itu untuk hasil minyaknya sahaja, yang ditahan tidak dibenarkan bawa ke Thailand itu apa fasalnya? Ini menguntungkan rakyat. Pada masa Kerajaan benarkan bawa ke Thailand

dahulu buah yang berlambak itu ada harganya, Tuan Yang Dipertua, mahal harganya.

Saya fikir patutlah Kerajaan lepaskan supaya harganya tinggi, bolehlah rakyat kita ini terutamanya rakyat Terengganu ataupun Kelantan boleh bawa, bukan kata ke Thailand atau ke Bangkok, dibawa ke Pattani sebab itu negeri Melayu juga. Orang Melayu di sana buat minyak, jadi harganya tinggi sedikit. Dilepaskan apa salahnya. Saya bersetuju supaya Kerajaan fikir semula berkenaan dengan buah kelapa ini, jangan dikawal. Satu masa dahulu hingga garam pun tidak boleh dibawa daripada Siam, kemudian apakala rakyat merayu, dibenarkan boleh dibawa garam daripada Siam sedikit-sedikit. Banyak perahu-perahu yang pergi ambil. Sekarang ini berkenaan buah kelapa pula.

Timbalan Yang Dipertua: Kalau dapat Ahli Yang Berhormat cuba tamatkan ucapan kerana masa kita sudah sampai.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Ya, ada dua tiga perkara lagi. Satu lagi berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengenai Pemulihan Kampung.

Saya hendak bawa perkara ini kerana sekarang ini kita menghadapi musim hujan, musim banjir. Kita tengok persediaan Kerajaan-kerajaan Negeri lebih-lebih lagi di Pantai Timur—Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, semua Kerajaan-kerajaan Negeri ini menyediakan persediaan untuk rakyatnya, apakala terkena banjir mereka itu disediakan tempat untuk berlindung, menyediakan makanan untuk mereka. Jadi Kerajaan sudah tahu tiap-tiap tahun apakala berlaku banjir ada kawasan-kawasan yang